


Jilid I  
Bil. 13



Hari Jumaat  
22hb November, 1974

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 1125]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 [Ruangan 1143]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1975 [Ruangan 1143]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

---

Hari Jumaat, 22hb November, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- ” DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- ” DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- ” TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- ” TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- ” TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- ” TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- ” TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).

- Yang Berhormat WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibü).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Lubuk Sugut).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Panampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### PERBADANAN-PERBADANAN AWAM

**1. Raja Naron bin Raja Ishak** minta Menteri Penyelarasan Perbadanan-perbadanan Awam menyatakan pengawasan yang diambil bagi mengelakkan persaingan aktiviti-aktiviti di kalangan Perbadanan-perbadanan Awam sehingga mendatangkan pertentangan dengan usaha-usaha peniaga Bumiputra.

**Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, semua Perbadanan-perbadanan Awam yang ditubuhkan oleh Kerajaan ada mempunyai tugas-tugas dan peranan-peranannya yang tertentu dan bergerak untuk mencapai matlamat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Di dalam menjalankan kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan Perbadanan-perbadanan ini menjadi penaja, penggerak dan penasihat kepada semua usaha-usaha peniaga-peniaga bumiputra.

Dalam memelihara kepentingan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha bumiputra adalah menjadi dasar utama perbadanan-perbadanan awam untuk mengelakkan adanya projek-projek yang bertentangan dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh kaum bumiputra. Perbadanan-perbadanan ini juga merangka beberapa strateji yang khas untuk menggabungkan usaha-usaha kaum bumiputra itu supaya perkembangan dan kemajuan perniagaan mereka akan lebih berhasil lagi.

Perbadanan-perbadanan seperti UDA, MARA dan PERNAS telah menjalankan aktiviti-aktiviti perusahaan dan perdagangan yang berfaedah bagi peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha bumiputra. Tujuannya apabila perniagaan-perniagaan ini telah berkembang, maju dan mendatangkan keuntungan yang lumayan, maka perbadanan-perbadanan ini akan membenarkan kaum bumiputra yang mempunyai kemampuan dan

keupayaan untuk mengambil alih perniagaan-perniagaan tersebut. Pihak MARA telah menubuhkan beberapa syarikat yang merangkaikan usaha-usaha perniagaan bumiputra serta membantu mereka mendapatkan pembekalan dan pembelian. Pihak UDA telah juga memberi bantuan kepada bumiputra menerusi pelaburan modal di dalam projek perniagaan bumiputra. Kegiatan-kegiatan ini bukan sahaja membantu bumiputra dari segi keperluan modal yang cukup tetapi juga dari segi pengurusan dan pengendalian bersama bagi menentukan kelancaran dan kejayaan perniagaan-perniagaan itu. Bagi mengelakkan pertentangan usaha, PERNAS pernah membatalkan beberapa projeknya walaupun ianya telah mengeluarkan belanja untuk mengkaji projek-projek itu apabila diketahui ada sekumpulan bumiputra yang bertujuan hendak menjalankan projek-projek yang sama. Ini satu contoh yang saya sebutkan di sini dan ada contoh-contoh yang lain di mana kalau ada kaum bumiputra yang difikirkan boleh maju di dalam usaha-usaha yang tertentu, maka pihak perbadanan-perbadanan ini akan memberi peluang pada kaum bumiputra menjalankannya.

Daripada keterangan-keterangan yang dinyatakan tadi, saya yakin kegiatan-kegiatan Perbadanan-perbadanan Awam yang berasingan ini tidak mendatangkan apa-apa pertentangan-pertentangan dengan usaha-usaha peniaga Bumiputra bahkan usaha daripada perbadanan-perbadanan itu akan menambah dan melengkapkan mereka supaya dapat mengambil bahagian dengan lebih cergas dan lebih giat lagi dalam semua lapangan perniagaan dan perusahaan dan menentukan kejayaannya untuk mencapai matlamat yang berkesan dan berkekalan.

Kementerian ini sentiasa berikhtiar dan berusaha untuk mengesan dan menyelaras kegiatan-kegiatan perbadanan-perbadanan awam di bawah jagaannya mengenai dasar, matlamat dan rancangan-rancangannya itu bagi mengelakkan pertentangan yang disebutkan tadi. Selaras dengan itu ianya juga memberi panduan dan penilaian terhadap kegiatan-kegiatan perbadanan-perbadanan awam bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi serta mengelakkan duplikasi kegiatan-kegiatan yang mungkin terdapat di dalamnya untuk menjamin pelaksanaan dan pencapaian daripada Dasar Ekonomi Baru.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada perbadanan-perbadanan, khususnya di peringkat Negeri yang membuka kedai-kedai yang sepatutnya menjalankan perniagaan borong, tetapi menjalankan perniagaan runcit dan bertanding dengan pedagang-pedagang bumiputra dalam bidang tersebut?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengenai perkara ini dan salah satu sebab mengapa Kementerian baharu ditubuhkan ialah untuk menentukan bahawa perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat kita elakkan, dan perbadanan-perbadanan ini dapat menjalankan tugasnya itu sebagaimana yang telah ditetapkan dan mereka tidak pula akan melambatkan atau menyekat perkembangan bumiputra-bumiputra yang lain yang hendak mengambil bahagian di dalam perdagangan dan perindustrian.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa setengah-setengah syarikat yang dikendalikan oleh statutory bodies akan diserahkan kepada syarikat-syarikat bumiputra, maka di sini saya suka hendak bertanya samada yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada rancangan hendak menyerahkan M.N.I. kepada satu syarikat bumiputra?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi bahawa selagi perniagaan-perniagaan ini belum dapat berjalan dengan lancar dan mendatangkan keuntungan yang lumayan dan selagi belum ada bumiputra yang dirasakan mempunyai kemampuan dan keupayaan yang tinggi untuk melaksanakannya, maka selama itu segala usaha-usaha yang dijalankan oleh perbadanan-perbadanan ini untuk sementara waktu akan dikendalikan dahulu oleh perbadanan ini. Tetapi apabila dirasakan nanti bahawa M.N.I. itu dapat diserahkan kepada kaum bumiputra, maka perkara itu akan dilaksanakan.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini

apakah yardstick yang digunakan oleh Kerajaan untuk hendak mengukur keupayaan dan kesanggupan bumiputra?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukanlah satu soalan yang mudah, dan bagi Ahli Yang Berhormat sendiri sebagai seorang yang telah lama berkecimpung di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ini, sudah tentu maklum sejauh mana atau cara mana kita hendak mengukur yardstick ini. Tetapi bagi saya sendiri sudah tentu kita mempunyai panduan-panduan yang tertentu atau ketentuan-ketentuan yang tertentu bagi menggariskan sejauh mana kita fikir pihak-pihak yang tertentu mempunyai keupayaan dan kemampuannya untuk mengambil alih beberapa syarikat atau usaha-usaha yang dijalankan oleh perbadanan-perbadanan ini apabila sampai masanya nanti.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Soalan tambahan. Syarikat M.N.I. adalah satu syarikat yang telah berjalan dengan baik . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tidak faham apa nama jenis perniagaan M.N.I. ini? Tolong jelaskan untuk maksud rekod.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Malaysia National Insurance. Syarikat Malaysia National Insurance ini adalah satu syarikat yang berjalan dengan lancar dan dengan baik dan juga, Tuan Yang di-Pertua, ada satu syarikat bumiputra yang mengendalikan syarikat insuran juga yang berjalan baik dan dengan lancar, maka dengan itu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang sekiranya syarikat bumiputra yang mengendalikan kerja insuran ini memohon untuk membeli ataupun mengambil alih syarikat Malaysia National Insurance ini?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kita hendak meramaikan jumlah bumiputra untuk mengambil bahagian di dalam perdagangan dan perindustrian ini sudah tentu kita berkehendakkan kalau sekarang ini ada satu syarikat insuran bumiputra, kita mahukan lebih banyak lagi. Mengapa perkara yang kita hendak banyakkan ini kita kurangkan pula, sedangkan dari segi matlamat dasar ekonomi Baru kita

mahu membentuk atau mengujudkan satu masyarakat perniagaan bumiputra yang lebih kukuh, yang lebih kuat dan yang lebih ramai supaya matlamat yang hendak kita capai daripada Dasar Ekonomi Baru ini bagi membolehkan kaum bumiputra berjaya di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ini. Bukan sahaja dari segi jumlahnya, tetapi dari segi usaha yang mereka buat itu akan dapat kita perembangkan dan kita majukan lagi daripada semasa ke semasa. Kalau cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu untuk menyerahkan M.N.I. atau syarikat Insuran Nasional ini kepada syarikat bumiputra yang ada, saya fikir itu satu perkara yang belum dapat diterima buat setakat ini, kerana ini boleh jadi pertentangan dengan matlamat besar yang hendak kita capai melalui penggalakan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

### **RUMAH PANGSA DIJUAL KEPADA PENYEWA**

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Keliling menyatakan bilakah undang-undang akan dikemukakan untuk membolehkan Dewan Bandaraya menjual rumah pangsa berharga murah kepada Penyewa-penyewanya.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif):** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang berkenaan ialah Kanun Tanah Negara dan saya difahamkan bahawa Kementerian Tanah dan Galian sedang mengambil tindakan untuk meminda Kanun Tanah Negara bagi mengadakan peraturan supaya tuan empunya rumah pangsa dapat menjualkan unit-unit di dalam rumah pangsa itu.

Mengenai rumah-rumah pangsa kepunyaan Dewan Bandarya pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya apabila peraturan tersebut telah diluluskan.

### **PERKHIDMATAN BAS/TAMBANG/ PERHENTIAN/KERETA SEWA**

3. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada memandangkan kepada masaalah pengangkutan yang buruk yang dihadapi oleh orangramai

di kawasan-kawasan bandar maupun luar bandar, apakah langkah-langkah akan diambil untuk:

- (i) menambah lebih banyak perkhidmatan bas oleh syarikat-syarikat bas yang masih ada;
- (ii) membenarkan lebih banyak bas untuk memberi perkhidmatan;
- (iii) membenarkan pelajar-pelajar menaiki bas dengan kadar tambang yang rendah;
- (iv) mengadakan lebih banyak perhentian bas yang selesa;
- (v) mendirikan lebih banyak pondok bas di tiap-tiap perhentian bas; dan
- (vi) mengeluarkan lebih banyak lagi lesen teksi untuk berkhidmat di kawasan-kawasan sesak seperti kampung-kampung, kampung-kampung baru dan ladang-ladang getah.

**Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin supaya jawapan pada pecahan (i) dan (ii) diambil sekali.

- (i) dan (ii) Kerajaan adalah sentiasa menimbangkan soal menambahkan lebih banyak lagi perkhidmatan bas oleh syarikat-syarikat bas yang ada dan juga bagi membenarkan lebih banyak bas-bas untuk memberikan perkhidmatan mereka jika sekiranya permintaan untuk tujuan ini diterima.
- (iii) Bagi pelajar-pelajar, selain daripada perkhidmatan bas-bas sekolah yang mengenakan bayaran tambang yang khas, mereka sememangnya dikenakan kadar bayaran yang lebih rendah iaitu separuh daripada kadar yang dikenakan kepada orang dewasa apabila menggunakan bas-bas biasa. Ini hanya untuk pergi dan balik sekolah sahaja dengan uniform sekolah. Selain daripada itu, mereka juga boleh memohon daripada syarikat-syarikat bas yang berkenaan untuk mendapatkan pas

bulanan bagi kegunaan mereka menggunakan bas itu di mana kadar bayarannya adalah lebih rendah daripada kadar yang biasa.

- (iv) dan (v) Soal mengadakan lebih banyak perhentian bas yang selesa dan pondok-pondok bas di tiap-tiap perhentian bas adalah sentiasa dikaji dari masa ke semasa dengan pihak tempatan yang berkenaan.
- (vi) Pihak berkuasa yang berkenaan di Negeri-negeri (Lembaga Penasihat teksi-teksi) adalah sentiasa mengkaji soal menambahkan perkhidmatan kereta-kereta sewa untuk kawasan-kawasan yang memerlukan perkhidmatannya.

#### **PUSAT KESIHATAN KECIL PUCHONG-SANITORIUM BATUK KERING MAMBAU**

**4. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau ada sebarang rancangan segera untuk membina sebuah Klinik Kesihatan di Batu 14 Puchong, dan membaiki Sanitorium Batuk Kering di Mambau, Negeri Sembilan dan melengkapkannya dengan kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk pesakit-pesakit di sana.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan ada mempunyai rancangan hendak membina sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Batu 14 Puchong dan selaras dengan cadangan ini sebidang tanah telah dipilih dan permohonan telah dibuat kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Pesakit-pesakit di T.B. Sanitorium Mambau sekarang ini ditempatkan di dalam wad-wad yang moden lagi luas. Mereka mempunyai tempat tinggal yang baik dengan kemudahan-kemudahan termasuk tempat-tempat "recreation" atau permainan.

Satu peti talivisyen juga diadakan. Sebuah "generator" telah rosak dan Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk menggantikannya dengan "generator" yang baru. Kementerian saya juga telah meminta Lembaga Letrik Negara supaya menyambungkan bekalan api ke kawasan ini. Bangunan-bangunan yang ada sentiasa dijaga.

#### **SISTEM EJAAN BARU MALAYSIA/INDONESIA**

**5. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam usaha mengamalkan sistem ejaan Bahasa Malaysia/Indonesia dan nyatakan samada semua guru, baik di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah, menguasai sistem ejaan baru itu.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi kenyataan yang tepat mengenai kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam usaha mengamalkan sistem ejaan baru. Apa yang dapat saya nyatakan ialah bahawa semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan atau separuh Kerajaan telah mengamalkan sistem ejaan baru tersebut dari sejak mula ianya diisytiharkan. Di kalangan pihak swasta dan orang-orang perseorangan, kejayaan yang sebenarnya tidaklah dapat dinilai. Walau bagaimanapun, kita sama-sama dapat menyaksikan sendiri bahawa bahan-bahan bacaan seperti suratkhobar dan buku-buku yang diterbitkan selepas pengisytiharan ejaan baru telah dibuat dalam sistem ejaan baru.

Di kalangan murid-murid dan guru-guru, saya suka menyatakan bahawa sebahagian besar daripada mereka telah dapat menguasai sistem ejaan baru ini. Walau bagaimanapun, di dalam tempoh peralihan ini, peperiksaan sekolah-sekolah boleh dijawab dengan menggunakan samada sistem ejaan baru atau lama atau kedua-duanya.

#### **RUMAH HARGA MURAH**

**6. Tuan Chian Heng Kai** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan jumlah yunit rumah harga murah yang telah didirikan sejak lima tahun yang lalu dengan memberikan angka-angka mengikut negeri.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah yunit rumah berharga murah yang telah didirikan sejak lima tahun

yang lalu (iaitu daripada tahun 1969-1973) mengikut Negeri-negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah yunit yang disediakan
Perlis ... ..	122
Kedah ... ..	1,078
Pulau Pinang ... ..	5,320
Perak ... ..	1,552
Selangor ... ..	1,657
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ... ..	6,032
Negeri Sembilan ... ..	1,130
Melaka ... ..	443
Johor ... ..	1,725
Pahang ... ..	742
Trengganu ... ..	272
Kelantan ... ..	82
Sabah ... ..	300
Jumlah ... ..	20,455

## LEMBAGA PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- kemajuan yang telah dicapai oleh Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara dalam menebus kembali tanah-tanah Rezab Melayu;
- bilangan permohonan-permohonan yang diterima dari bulan Februari 1973 sehingga bulan Jun 1974;
- kedudukan 43 permohonan yang masih menunggu jawapan;
- keputusan mahkamah ke atas TIGA kes yang masih ditunggu; dan
- kedudukan 31 aduan yang disiasat tahun lalu.

**Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua,

- Kemajuan yang dicapai oleh Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara dalam penebusan tanah Rezab Melayu adalah seperti berikut:

- 8 permohonan selesai secara perundingan tanpa guaman atau penebusan;
- 12 aduan diberi bantuan guaman, kesemuanya adalah dalam perbicaraan Mahkamah atau tindakan guaman; dan
- 12 permohonan telah diberi pinjaman penebusan untuk mendapat kembali tanah-tanah mereka.

(b) Sebanyak 177 permohonan.

(c) Sebenarnya bilangan permohonan yang masih menunggu jawapan pada akhir tahun 1973 ialah 53. Dari jumlah ini 37 permohonan tidak diberi apa-apa bantuan iaitu terdiri dari: 9 permohonan telah selesai secara perundangan, satu permohonan terdiri dari tanah bukan dalam Rezab Melayu, 5 permohonan didapati telah digadai sebelum tanah itu diisytiharkan kawasan Rezab Melayu, satu didapati telah digadai selepas pengumuman berhubung dengan penebusan kembali tanah-tanah Rezab Melayu dibuat pada bulan November, 1971, satu permohonan tiada melibatkan orang bukan Melayu, 8 pengadu tidak memberi apa-apa jawapan dan 12 permohonan yang telah ditimbang untuk penebusan telah ditolak kerana didapati tidak sesuai. Sementara itu 3 permohonan telah diberi bantuan penebusan; dan 13 masih memerlukan keterangan lanjut daripada pemohon atau Pemungut Hasil Tanah.

(d) Semua kes-kes yang menunggu keputusan Mahkamah masih belum selesai lagi.

(e) Dari jumlah 31 permohonan yang disiasat tahun lalu, satu permohonan telah selesai secara bersendirian, 12 permohonan diberi bantuan guaman, 9 permohonan diberi bantuan penebusan dan 9 permohonan telah disiasat tetapi didapati tidak sesuai untuk diberi pinjaman penebusan kerana wang pinjaman yang telah diambil melebihi 75% daripada nilai tanah ataupun mereka tidak mampu membayar balik bantuan pinjaman itu jika diberi.

## BUKU-BUKU TEKS—KEKURANGAN

**8. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau boleh memberi jaminan kepada rakyat negara kita bahawa masalah kekekurangan buku-buku teks bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara tidak diulangi lagi dan juga nyatakan langkah-langkah Kementerian beliau telah ambil untuk memastikan bahawa semua murid boleh dapat buku-buku mereka dengan harga murah apabila sekolah dibuka semula.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberikan penjelasan mengenai perkara ini apabila menjawab teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 11hb November, 1974 iaitu bahawa Kementerian Pelajaran sedang berusaha untuk menyediakan buku-buku teks ini dan mengedarkannya supaya murid-murid akan dapat menggunakan buku-buku tersebut apabila sahaja mereka memulakan persekolahan mereka pada tahun hadapan. Walau bagaimanapun, mungkin terjadi di mana buku-buku ini lambat sampai ke tangan murid-murid tetapi ini adalah terjadi dengan tidak sengaja, walaupun kejadian ini berlaku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebahagian daripada buku-buku bantuan yang akan diberi kepada pelajar-pelajar pada tahun 1975 telahpun dihantar ke sekolah-sekolah di seluruh negara.

Soal memastikan supaya murid-murid dapat membeli buku-buku teks dengan harga murah, Kementerian Pelajaran telahpun menyediakan senarai buku-buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah yang mengandungi catitan harga bagi tiap-tiap buku. Harga-harga tersebut adalah menasabah. Di samping itu, persetujuan telah dicapai dengan pihak penerbit buku supaya bagi buku-buku teks sekolah rendah, potongan sebanyak 10% akan diberikan, manakala bagi buku-buku teks sekolah menengah potongan sebanyak 5% akan diberikan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kekurangan buku teks di sekolah-sekolah untuk pelajar-pelajar menjadi satu masalah yang sangat chronic dan memakan masa yang sangat panjang oleh kerana ada pelajar-pelajar selepas penggal pertama atau penggal kedua belum ada mendapat buku, bolehkah Kementerian Pelajaran

mengadakan satu unit khas atau pasukan khas di tiap-tiap Negeri yang boleh menerima aduan dari pihak-pihak ibu-bapa atau sekolah-sekolah mengenai kekurangan buku dan jenis buku dan di mana pasukan special di tiap-tiap Negeri itu boleh mengambil tindakan yang secepat mungkin untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-tua, saya telah jawab soalan ini tadi.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan telah menyatakan bahawa ada kemungkinan buku teks tidak mencukupi untuk murid-murid pada tahun-tahun yang akan datang. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan mengapakah kemungkinan ini timbul oleh sebab ianya berlaku bukan pada tahun ini sahaja bahkan boleh dikatakan hampir 10 tahun dan tiap-tiap tahun perkara ini telah timbul, dan pada masa dulu Kerajaan telah menyatakan bahawa ianya semua bersedia, tetapi apabila sekolah dibuka, maka tiada buku-buku teks yang cukup untuk pelajar-pelajar.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini diselenggarakan oleh manusia biasa. Walaupun kita dapat menetapkan sistem untuk mengedarkan buku-buku teks ini, kadang-kadang ada perkara-perkara seperti Act of God dan kelemahan-kelemahan manusia yang mana ini akan menyekat perjalanan sistem itu dengan begitu lancar sehingga tidak ada langsung kegagalan dalam usaha ini. Saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat yang juga mengikuti profesyen yang sama dengan saya tentulah sedar bahawa kita ini adalah manusia yang lemah yang kadang-kadang tidak dapat menurut aturan-aturan dengan secara yang memberi kesan 100%.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan bagaimanakah Act of God boleh timbul yang murid-murid tidak dapat buku-buku teks bukan sahaja di dalam penggal yang pertama, tetapi dalam penggal yang kedua dan ada berhampiran hujung tahun pun tidak dapat buku-buku teks.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, Act of God ialah seperti ada bah, banjir, kadang-kadang ada keretapi terbalik, motokar pecah, macam-macam lagi yang boleh jadi yang akan mengganggu pendedaran buku-buku teks ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun ada Act of God atau kelemahan manusia yang mengganggu pendedaran buku-buku teks, tetapi sangat mustahak dalam Kementerian Pelajaran mesti ada jentera, jentera yang cekap, khasnya di setiap peringkat Negeri yang boleh dengan secepat mungkin mengatasi masalah yang timbul. Daripada pengalaman bertahun-tahun dahulu tidak ada jentera yang cekap dalam Kementerian Pelajaran, baikpun di peringkat Negeri atau di peringkat Pusat yang boleh dengan secepat mungkin mengatasi soal ini.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap berkenaan dengan jentera dalam Kementerian ini, kita sebenarnya tidak bercakap berkenaan dengan jentera seperti membawa kipas kapal terbang dan sebagainya. Jentera ini bermakna susunan pegawai-pegawai untuk menjalankan sesuatu usaha, dan oleh kerana pegawai-pegawai ini adalah manusia biasa dan juga kadang-kadang jentera yang dibuat oleh Rolls Royce sekalipun kadang-kadang breakdown. Jadi oleh kerana itu, tidak dapatlah saya menjamin bahawa kita akan menyampaikan buku-buku sekolah ini pada masa yang tertentu dengan kejayaan 100%.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Act of God yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan seumpamanya air bah dan sebagainya. Kita memang mengakui, tetapi adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar mengapakah Act of God ini memakan masa begitu lama untuk membaiki seumpamanya, kalau sekiranya ada air bah mengapakah murid-murid menunggu bukan satu bulan, bukan dua bulan, bahkan setengah tahun sebelum mereka dapat buku-buku teks.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, pendedaran buku teks ini bukan melibatkan Kementerian Pelajaran sahaja. Kita terpaksa mula-mulanya meminta kepada Guru-guru Besar sekolah untuk menyediakan

senarai nama buku-buku, termasuk senarai nama pengeluar atau penerbitnya. Selepas itu buku ini mesti dikaji dan kalau kita bersetuju, maka kita memberi arahan kepada penerbit-penerbit untuk mengadakan buku-buku ini. Kadang-kadang penerbit dapat menjalankan jentera mereka dengan begitu licin sehingga kita dapat buku-buku ini, tetapi kadang-kadang mereka juga tergendala dalam usaha mereka. Oleh kerana begitu banyak peringkat yang terlibat di dalam pendedaran buku-buku ini, kadang-kadang untuk mengatasinya memakan masa yang begitu lama. Perkara ini juga adalah perkara yang dahulunya tidak pernah kita buat. Baru-baru ini sahaja kita telah melihatkan diri di dalam soal pendedaran buku-buku teks ini. Saya percaya semakin lama, semakin cekap pegawai-pegawai yang ada di dalam Kementerian kita dan perkara yang telah berlaku dahulu iaitu begitu lama baru dapat murid-murid menerima buku teks ini tidaklah akan menjadi begitu kerap dan kita semakin lama akan menjadi orang yang semakin cekap dan kurangnya kejadian seperti yang tidak diingini, bukan sahaja oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, tetapi juga saya sendiri.

## PETANI-PETANI USAHAKAN TANAH CARA TRADISIONAL

**9. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan petani-petani di Malaysia yang masih mengusahakan tanah sawah mereka mengikut cara-cara tradisional sekarang, dan bilangan mereka yang telah menggunakan cara-cara moden;
- (b) jumlah pendapatan purata bulanan bagi tiap-tiap keluarga petani yang menggunakan cara-cara tradisional itu berbanding dengan petani-petani yang menggunakan cara-cara moden, dan samada Kerajaan bercadang hendak berikhtiar meninggikan pendapatan keluarga petani itu hingga setaraf dengan lain-lain golongan rakyat seperti kerani, guru atau ahli-ahli perniagaan; dan
- (c) samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan subsidi kepada pengeluaran beras tempatan bagi meninggikan taraf hidup petani-petani serta menggalakkan pengeluaran untuk mengatasi kekurangan beras dalam negeri.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bncian tidak dibuat untuk mendapat atau menyimpan perangkaan seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat. Walaupun demikian, dari anggaran kasar yang biasa dibuat bagi maksud perancangan bilangan petani-petani padi di Semenanjung Malaysia yang masih lagi mengusahakan tanah sawah mereka mengikut cara-cara tradisional adalah sebanyak 40% iaitu lebih kurang seramai 120,000 petani. Bilangan petani-petani yang telah menggunakan cara moden ialah sebanyak 60% iaitu lebih kurang 180,000 petani.

Istilah petani moden ialah petani-petani yang menggunakan jentera, menggunakan baja dan racun serangga dan menggunakan benih yang bermutu serta mengikut nasihat-nasihat dari Jabatan Pertanian.

(b) Berkenaan dengan pendapatan, setelah ditolak perbelanjaan untuk pengeluaran harga benih, baja, racun serangga, perbelanjaan jentera, cukai air, cukai tanah, zakat, dan lain-lain keperluan sawah, seorang petani yang mengusahakan tanah sawah 3 ekar dengan cara tradisional dianggarkan mempunyai pendapatan sebanyak \$50 sebulan. Sedangkan petani-petani yang mengusahakan tanah seluas 3 ekar dengan cara moden boleh mempunyai pendapatan \$200 sebulan bersih iaitu 4 kali ganda. Kerajaan adalah sentiasa menjalankan usaha untuk meninggikan pendapatan petani-petani dengan menggalakkan perusahaan cara-cara moden dan menanam padi 2 kali setahun serta membuat usaha-usaha yang lain selepas musim padi untuk bercucuk tanam sayur-sayuran dan lain-lain tanaman jangka pendek, memelihara ternakan seperti ayam, itek, memelihara ikan air tawar dan sebagainya.

Saya berpendapat jika seorang petani berusaha bersungguh-sungguh dan mempunyai kawasan tanah yang mencukupi, mereka juga boleh mencapai pendapatan seperti yang didapati oleh kerani-kerani dan guru-guru dan peniaga-peniaga yang serdahana.

(c) Kerajaan telah memberi subsidi untuk perusahaan padi terutamanya bagi mencapai dua matalamat:

- (1) Meninggikan pendapatan petani-petani;
- (2) Negara tidak lagi bergantung dengan beras dari luar negeri dan dapat mengisi keperluan negara.

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan lebih kurang 40% daripada petani-petani masih lagi menggunakan cara tradisional dan adakah faktor-faktor itu dapat diatasi dengan segera?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini banyak perkara menyebabkan mereka tidak dapat menggunakan cara moden. Setengah daripada mereka ini ialah kerana tidak ada cukup kemudahan tanah, tempat itu tinggi, air tidak boleh naik. Mereka terpaksa menanam sekali setahun. Sebagai satu perbandingan di sini saya suka menerangkan sedikit berhubung tanaman-tanaman sekali setahun, dan tanaman-tanaman dua kali setahun. Tanaman sekali setahun di Semenanjung Malaysia ada berjumlah sebanyak 912,620 ekar dan tanaman dua kali setahun yang dapat dijalankan ialah 524,520 ekar. Tetapi walau bagaimanapun, kementerian ini sedang berusaha dengan sedaya upaya bagi berikhtiar untuk mendapatkan kemudahan dan juga menjalankan kempen supaya mereka dapat mengikut nasihat-nasihat daripada pegawai pertanian. Selain daripada itu, ada petani-petani yang tidak mahu mengikut nasihat daripada pegawai pertanian, misalnya, pada bulan hadapan ini diminta semua petani-petani mesti turun ke sawah menyemai, menajak, dan menanam bersama-sama, tetapi ada juga yang tidak mahu mengikut, ini adalah perkara manusia biasa.

**Y.B. LIM KIT SIANG/DR. TAN CHEE KHOON—LARANGAN MASUK KE SARAWAK**

**10. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab Ahli parlimen kota Melaka, Y.B. Tuan Lim Kit Siang dan Ahli Parlimen Kepong, Y.B. Doktor Tan Chee Khoon, masing-masing dilarang masuk ke negeri

Sarawak dan Sabah dalam bulan September tahun ini dan nyatakan samada Kerajaan Pusat akan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan yang ganjil dan mustahil ini di mana Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat sendiri ditahan dari bergerak secara bebas ke tempat-tempat tertentu dalam negaranya sendiri.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan perkara ini semasa menjawab soalan yang serupa pada 6 dan pada 7 hari-bulan November, 1974.

#### PERKHIDMATAN PEJABAT POS

**11. Tuan Buja bin Gumbilai** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) samada Pejabat-pejabat Pos mempunyai perkhidmatan mengutip serta menerima bayaran pembelian saham sesebuah syarikat kerjasama; dan
- (b) bilangan syarikat kerjasama yang telah diberi kemudahan seperti (a) di atas; dan nyatakan nama syarikat-syarikat kerjasama itu serta sebab-sebabnya mereka dan bukan syarikat-syarikat kerjasama yang lain yang diberi kemudahan begitu.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Perkhidmatan Pos ada memberi Perkhidmatan mengutip serta menerima bayaran pembelian saham syarikat-syarikat kerjasama.
- (b) Setakat ini hanya satu syarikat iaitu Syarikat Bekerjasama Pemodalan Tanah Tanggungan Berhad sahaja yang diberi kemudahan demikian. Untuk makluman Yang Berhormat, tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini adalah dipertimbangkan mengikut meritnya dan tertaklok kepada kelulusan Perbendaharaan serta pembayaran komisyen yang tertentu.

#### TAHANAN DI BATU GAJAH/TAIPING

**12. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan membebaskan orang-orang tahanan yang dikatakan "pro-kominis"

yang telah ditahan di Kem Tahanan Batu Gajah dan Taiping memandangkan negara kita sudah pun mengadakan hubungan diplomatik dengan beberapa Negara kominis, jika ya, nyatakan butir-butir lanjut, dan jika tidak, mengapa.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, perkara pengiktirafan dan perhubungan diplomatik negara ini dengan negara-negara sosialis atau negara kominis adalah merupakan soal perhubungan antarabangsa dan ianya tidak mempunyai kaitan langsung dengan masalah orang tahanan di Tempat Tahanan Perlindungan Khas Batu Gajah yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Orang-orang ini ditahan kerana mereka telah secara sedar dan cergas mengambil bahagian di dalam kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara. Mereka ditahan dengan tujuan untuk mencegah mereka daripada meneruskan kegiatan-kegiatan jahat merka itu. Pembebasan mereka daripada tahanan akan dibuat hanya apabila mereka didapati tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Saya berharap Yang Berhormat dari Batu Gajah dan orang-orang yang lain seperti Yang Berhormat tidak terkeliru di dalam soal perhubungan diplomatik antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara sosialis atau kominis. Perhubungan ini ialah tali persahabatan di antara Kerajaan dengan Kerajaan (Government-to-Government) dan tidak langsung menunjukkan ideology honeymoon atau penerimaan mesra dari segi ideoloji. Soal ideoloji ini adalah soal hak masing-masing di dalam negeri masing-masing. Sudah nyata bahawa ideoloji kominis yang diamal oleh sebarang pihak pengganas di Malaysia ini bertentangan dengan ideoloji negara yang dicerminkan di dalam Rukunegara yang menentukan kedudukan Perlembagaan di dalam cara hidup kita. Kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan bagi mempertahankan cara hidup kita dan adalah salah dan sesat mereka yang menyatakan bahawa kita boleh bertolak ansur di dalam hal ini. Saya suka mengingatkan pengganas-pengganas dan yang bersyubhat dengan mereka selagi mereka tidak bertaubat, mereka akan diburu dan diamankan. Asas perhubungan Kerajaan kita dengan Kerajaan Negara-negara Kominis adalah dilandaskan di atas prinsip tidak campurtangan di dalam

hal negeri masing-masing (non-interference in the internal affairs) dan prinsip ini akan sentiasa dipertahankan dan diawasi oleh Kerajaan kita untuk menjamin kepentingan ketenteraman dan keamanan negara dan juga kestabilan dunia.

**Tuan Chian Heng Kai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu Dewan ini, iaitu bagaimana pihak Kerajaan boleh menentukan seseorang itu pro-kominis atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal lagi sekali, saya pun tidak faham soalan itu.

**Tuan Chian Heng Kai:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu Dewan ini bagaimana pihak Kerajaan boleh menentukan seseorang itu pro-kominis atau tidak pro-kominis?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibuat di sini iaitu soal pro-kominis atau tidak, tetapi yang ditangkap itu bukan orang yang dikatakan pro-kominis, tetapi seperti mana saya katakan tadi ialah mereka yang kita tahu telah secara sedar dan cergas mengambil bahagian di dalam kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Masyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (21hb November, 1974).

#### DAN

#### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul

yang berikut ini dirujukan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut". (21hb November, 1974).

3.16 ptg.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya petang semalam, saya telah menyatakan bahawa Anggaran Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah satu Anggaran yang sederhana dan bertimbang rasa serta tidak menyakitkan golongan yang berada dan juga golongan yang tidak berada. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita hendak mensifatkan kesan Anggaran Belanjawan itu atas masyarakat negara kita, satu perkara yang tidak dapat agaknya dibuat oleh Anggaran ini ialah Anggaran itu tidak dapat hendak mengubah keadaan yang sedia ada iaitu pahit maungnya inflasi dan pedih peritnya kemerosotan ekonomi yang dirasakan oleh negara kita pada hari ini. Saya harap Anggaran Belanjawan yang disifatkan oleh Menteri Kewangan sebagai flexible akan dapat menunjukkan cara-cara bagaimana Kerajaan hendak mengatasi soal buruh-buruh yang terpaksa diberhentikan kerja kerana industri-industri di mana buruh-buruh itu bekerja mengalami kemerosotan yang hebat dan juga kita berharap Anggaran Belanjawan ini akan dapat menjawab masaalah kemerosotan harga getah yang sedang dihadapi khasnya oleh pekebun-pekebun kecil kita. Inilah masaalah-masaalah berat yang dihadapi oleh negara, dan saya menaruh harapan bahawa Anggaran yang disifatkan flexible oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri dapat menghadapi dan mengatasi keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal inflasi dan soal kemerosotan ekonomi ini ada pula kait-mengaitnya dengan Dasar Ekonomi Baru iaitu sepanjang yang berkenaan dengan soal hendak memperelokkan atau memperbaiki keadaan ekonomi bumiputra.

Dalam Dasar Ekonomi Baru, kita telah menetapkan bahawa dalam masa dua puluh tahun sebanyak 30% dari segala kegiatan ekonomi dapat disertai atau diambil oleh bumiputra. Dengan keadaan inflasi, dengan keadaan kemerosotan ekonomi dunia, adakah tujuan 30% ini akan dapat dicapai dalam masa dua puluh tahun? Atau adakah Kerajaan sedang memikirkan sekarang bahawa masa dua puluh tahun itu akan ditambah untuk hendak mengelakkan dan untuk hendak memberi peluang kepada bumiputra yang telah terdesak.

Apakala orang-orang Melayu dan bumiputra mula bergiat dalam lapangan ekonomi dan cuba memasuki berbagai-bagai bidang perniagaan dan lapangan ekonomi dalam negara kita ini banyak di antara mereka telah menubuhkan syarikat-syarikat pemborong atau menjadi kontrektor-kontrektor. Tiba-tiba dalam beberapa bulan yang lepas dan pada awal-awal tahun ini, atau pada akhir-akhir tahun yang lepas, soal kenaikan harga bahan-bahan binaan telah melambung naik. Malapetaka yang amat dahsyat telah menimpa pemborong-pemborong bumiputra samada yang bersendirian ataupun yang berkongsi dengan lain-lain kaum yang ada dalam negeri ini dan banyak, daripada mereka yang merana akibat kenaikan harga bahan-bahan tersebut.

Sekarang ini ramai bumiputra kita atau orang-orang Melayu kita bergiat dalam usaha dan industri pembalakan atau membuat kerja balak. Tiba-tiba harga kayu sekarang jatuh dengan begitu dahsyat dan saya yakin dan percaya banyak orang-orang Melayu dan bumiputra yang menceburkan diri dalam lapangan ini akan menghadapi kesulitan yang amat sangat. Apakah persediaan-persediaan yang ada pada kita untuk menghadapi keadaan-keadaan ini? Ini amat serious dan saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan menyedari seriousness perkara ini dan saya percaya kepala-kepala yang ada dalam Kerajaan sedang memikirkan jalan-jalan untuk menghadapi kesulitan-kesulitan yang sedang dihadapi oleh negara kita.

Dalam soal kemerosotan harga kayu, kita telah mendengar cadangan-cadangan untuk mengadakan atau membanyakkan rumah-rumah kayu. Tetapi pada pandangan saya, ini adalah satu solution ataupun penyelesaian sementara sahaja, dan saya percaya bahawa soal hendak membanyakkan rumah-rumah kayu in the long run akan menimbulkan banyak kesulitan dengan problem-problem pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru yang sedang diancam oleh keadaan inflasi dan kemerosotan ekonomi ini, Kerajaan sebagaimana yang kita tahu telah menubuhkan banyak agensi dalam tanahair kita, iaitu agensi-agensi Kerajaan di peringkat Negeri dan juga di peringkat Pusat. Sejauh manakah agensi-agensi ini telah menjalankan dasar Kerajaan untuk membawa bumiputra berganding bahu dalam lapangan ekonomi dengan lain-lain kaum dalam negeri ini, semuanya kita telah lihat. UDA misalnya, khasnya dalam Kuala Lumpur ini sedang sebok samada dengan bersendirian, atau bercampur (joint-venture) dengan syarikat-syarikat dalam negeri atau luar negeri, membina dan mendirikan bangunan-bangunan yang hebat tetapi saya sendiri merasa orang Melayu yang manakah agaknya yang akan dapat duduk dalam bangunan-bangunan dan kompleks-komplek yang besar-besar ini. Komplek-komplek yang didirikan oleh UDA khasnya dalam bandar Kuala Lumpur ini tidak boleh hendak dikatakan itu hak bumiputra atau hak orang Melayu. Itu adalah kompleks UDA manakala lain-lain bangsa yang ada dalam tanahair ini, kompleks-komplek itu dinamakan dengan nama orang-orang atau dinamakan dengan nama keluarga dan sebagainya. Tetapi bagi bumiputra hanyalah bersedap mata dan telinga mendengar bahawa ini kompleks UDA. Inilah sahaja yang kita dapat daripadanya.

Kita tidak menafikan sama sekali apa yang telah dicuba hendak dibuat oleh UDA menolong bumiputra, tetapi dengan kegiatannya yang hebat mendirikan kompleks-komplek ini, saya fikir ini perlu mendapat perhatian. Satu sahaja yang kita dapat katakan dan megahkan dengan adanya agensi-agensi Kerajaan seperti PERNAS, UDA dan lain-lain iaitu bahawa kebanyakan orang yang bekerja dalam agensi-agensi ini adalah orang-orang Melayu dan bumiputra. Itu kita dapat

banggakan. Tetapi hasil daripadanya, adakah dapat diperolehi oleh orang Melayu samada persaoangan ataupun kumpulan (group) orang-orang Melayu? Ini masih perlu kita menunggu untuk melihatnya.

Satu perkara yang menyedihkan saya berkenaan dengan UDA ini ialah kenyataan Pengerusinya baru-baru ini dalam surat-khabar yang mengatakan bahawa menolong orang Melayu ini seolah-olah melepaskan anjing yang tersepit. Saya fikir kalau benarlah perkataan ini keluar daripada Pengerusi UDA maka itu tidak sedap benar didengar. Kalau dikatakan orang yang saya tolong si polan itu sebagai melepaskan anjing yang tersepit, barangkali orang itu sahaja yang terkena, tetapi bila mengatakan menolong orang Melayu seolah-olah melepaskan anjing yang tersepit, maka ini satu kenyataan yang melampau, yang perlu diperiksa (checking) oleh Kerajaan supaya kenyataan-kenyataan yang seumpama itu tidak dikeluarkan. Lagi pun sehingga hari ini kita tidak tahu berapa banyak juta wang ringgit UDA yang telah dipinjamkan kepada orang-orang Melayu, dan berapa banyak pula daripada wang yang telah dipinjamkan itu telah hilang langsung dan tidak dapat hendak dikutip balik. Kalau sekiranya UDA telah mengeluarkan wang untuk memberi pinjaman kepada orang Melayu katalah \$10 juta dan daripada jumlah itu ada 10% atau 15% yang tak dapat dikutip balik barangkali ini tak boleh hendak mengatakan menolong orang Melayu macam melepaskan anjing tersepit. Pedih benar, Tuan Yang di-Pertua, telinga mendengar perkataan yang seumpama itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelajaran ataupun Kementerian Pelajaran, baru-baru ini kita telah mendengar bahawa Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet untuk menyemak pelaksanaan dasar pelajaran. Saya fikir tindakan Kerajaan itu patut dipuji dan dialu-alukan dan kita berharap Jawatankuasa yang baru dilantik itu hendaklah mengambil berat berkenaan dengan soal mengeluarkan manusia-manusia yang berakhlak dan berdisiplin. Kita tidak mahu sekolah-sekolah kita yang di peringkat rendah, menengah dan tinggi hanya akan dapat mengeluarkan anak-anak yang tidak berakhlak atau manusia yang tidak berakhlak dan tidak berdisiplin yang tidak tahu hendak menyelesaikan problem mereka melainkan dengan jalan demonstrasi, dengan jalan berarak. Kita tidak

berkehendakkan keadaan yang seumpama itu dan kita tidak berkehendakkan penuntut-penuntut yang ada dalam sekolah-sekolah sekarang ini hanya pandai menyelesaikan problem mereka dengan membantah dan ada kalanya tak tahu lagi apa yang mereka hendak lakukan untuk menyelesaikan masalah mereka maka mereka mengambil dadah. Ini semuanya masalah-masalah pada pandangan saya amat penting mendapat perhatian daripada Jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan itu. Soal bangunan, soal kekurangan guru, soal kekurangan rumah-rumah guru, ini semua masalah-masalah penting, tetapi yang lebih penting pada saya ialah anak-anak dan manusia-manusia yang akan dikeluarkan oleh sekolah-sekolah itu. Dunia pada hari ini, dan manusia pada hari ini sedang menghadapi satu keadaan bukan sahaja kemerosotan ekonomi tetapi kemerosotan akhlak. Jadi kemerosotan akhlak ini, pada saya lebih besar bencananya daripada kemerosotan ekonomi, kerana semakin akhlak ini merosot maka kita manusia yang hidup di atas muka bumi ini akan menjadi tidak jauh berbeza daripada haiwan yang melata itu, melainkan tentang bentuk rupa kita sahaja. Sekarang ini setengah-setengah daripada keadaan seumpama itu iaitu kemerosotan akhlak di negeri-negeri Barat yang sedang mengeksportkan kebudayaan kotor mereka ke timur dan kita juga tidak terselamat daripada bah dan banjir yang dibawa oleh kemerosotan akhlak yang ada di Barat itu. Oleh sebab itu kita terpaksa menjamin bahawa sekolah-sekolah kita bukan sahaja akan mengeluarkan ahli-ahli sains dan teknologi yang bijak yang boleh merekakan berbagai jentera, berbagai kepandaian sehinggakan sanggup menghantar manusia ke bulan, tetapi kita berkehendakkan manusia-manusia yang berperilaku kemanusiaan. Yang sebenarnya kalau kita kaji sebab-sebab kemerosotan ekonomi yang sedang melanda dunia hari ini maka kita akan dapati sebab timbul dan terbitnya ialah berpunca daripada kemerosotan akhlak tadi. Tetapi soal ini tidak pernah dibincangkan daripada segi itu, bila membincangkan soal ekonomi semata-mata soal ekonomi yang dibincangkan. Soal akhlak tidak dicampurkan dalam perbincangan itu. Pada saya ini ada kait-mengaitnya di antara dua kemerosotan ekonomi dan kemerosotan akhlak manusia.

Saya sangat tertarik hati dengan ucapan Yang Berhormat wakil dari Payang semalam yang mengatakan, kita sangat-sangat terpengaruh dengan dasar ekonomi kapitalisma Barat iaitu yang berdasarkan kepada profit motivation. Profit motivation ini datangnya daripada kemerosotan akhlak, tidak ada sedikit pun soal hendak membuat kebaikan, hendak membuat kebajikan, hendak berkorban kerana orang lain. "Aku mahu untung walau keuntungan aku dapat ditarik daripada keruntuhan manusia-manusia yang aku tinds dan aku peras". Saya harap perkara ini akan mendapat perhatian yang sungguh-sungguh daripada Jawatankuasa Kabinet yang telah ditubuhkan untuk menyemak dasar pelajaran dan juga pelaksanaannya dalam tanahair kita ini. Kita telah mendengar dalam Dewan ini, dalam masa persidangan ini sungutan dan rungutan, tangisan dan keloh kesah apakala membincangkan Belanjawan Tambahan Kementerian Kebajikan Am tempoh hari, anak-anak kita yang liar, yang keluar daripada sekolah-sekolah. Ini semuanya adalah hasil daripada terlampau mengikut dasar-dasar pelajaran dan pendidikan yang ditinggalkan oleh Barat kepada kita dan pada hari ini Barat sendiri mengeloh dengan keadaan yang mereka sedang hadapi itu.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur bercakap berkenaan dengan soal pelajaran ini, eloklah juga saya menyebutkan di sini berkenaan dengan keadaan sekolah-sekolah yang ada di kampung-kampung. Saya fikir Yang Berhormat Menteri Pelajaran atau Timbalannya patut banyak melawat ke kampung-kampung yang terpencil dan jangan hanya menghadkan lawatan ke bandar-bandar besar sahaja untuk menerima taklimat daripada pegawai-pegawai dalam Pejabat-pejabat Pelajaran di negeri-negeri yang akan memberikan gambaran yang indah-indah, lukisan yang menarik daripada keadaan dalam sebuah negeri itu. Saya tidak pernah mendengar lagi Menteri Pelajaran melawat kampung-kampung yang terpencil untuk mengambil tahu hal sekolah-sekolah yang ada di sana, hal guru-guru yang mengajar di kampung-kampung itu adakah mempunyai rumah tempat tinggal atau tidak.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Barangkali tidak menjadi musykil atau satu masaalah kepada guru-guru yang dipindah-

kan dari satu tempat ke satu tempat di bandar-bandar, kerana dalam bandar banyak rumah yang boleh disewakan, tetapi guru-guru yang duduk di kampung manalah hendak ada rumah sewa yang hendak disewa. Dengan keadaan seumpama itu di kampung-kampung kita tidak dapat hendak menghantar guru-guru yang baik, kerana guru-guru yang baik barangkali berkehendakkan kemudahan-kemudahan yang baik juga. Dengan keadaan yang seumpama itu, kita telah menganiaya penduduk-penduduk yang di luar bandar.

Dalam soal pelajaran ini juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan soal pelajaran bahasa Inggeris. Saya berpendapat bahawa pelajaran bahasa Inggeris mistilah dikuatkan dengan tidak kita mengeneipkan bahasa Kebangsaan kita, bahasa Melayu kita. Kita kena ingat, bahawa kita dalam Malaysia ini masih di dalam zaman menterjemah. Kita belum meningkat kepada zaman mengarang sendiri dan boleh membuat original buku-buku, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Segala apa yang ada pada kita sekarang ini ialah hasil terjemahan. Zaman menterjemah seumpama ini biasa dilalui oleh bangsa-bangsa yang lain. Oleh sebab itu, bahasa Inggeris atau apa juga bahasa, tetapi oleh kerana kita sudah biasa dengan bahasa Inggeris maka eloklah bahasa ini dikuatkan pada anak-anak kita tetapi bahasa Malaysia jangan diabaikan. Kalau takdirnya kita melemahkan pelajaran bahasa Inggeris harus kita akan ke belakang bertahun-tahun, sebab kemajuan ilmu pengetahuan dan buku-buku baru yang keluar di negeri-negeri yang maju begitu pasti dan banyak. Sementara buku-buku itu sampai ke tangan kita, maka perlu diterjemahkan dan ini memakan masa iaitu masa menterjemah, mencetak, dan mengedarkan kepada pembaca dan pengguna buku-buku itu dengan keadaan satu dua tahun kita sudah terkebelakang, jadi kita sentiasa backward 2-3 tahun daripada orang-orang yang di negeri lain. Oleh sebab itu, di samping kita memeliharakan bahasa kita, di samping kita menguatkan bahasa Malaysia kita, bahasa Kebangsaan kita maka kita jangan lupa satu bahasa yang boleh melapang, melonggar dan menyenangkan kita untuk berlumba dengan lain-lain bangsa dalam lapangan ilmu pengetahuan.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, jangan disalah fahamkan yang saya ingin hendak mengecil-gecilkan bahasa Kebangsaan kita dan kesanggupan bahasa Kebangsaan kita. Bahasa Kebangsaan kita sanggup mengajar segala ilmu pengetahuan yang ada dalam dunia ini. Bukan bahasanya yang salah, tetapi kita orang-orangnya belum lagi mempunyai kebolehan dan kesanggupan untuk membuat original terus dalam bahasa kita sendiri. Sementara kita menunggu zaman itu yang saya harap tidak lama akan sampai kita memerlukan bahasa asing itu. Jadi kita gunakan bahasa asing ini bukan sebagai bahasa kemegahan kita, tetapi sebagai bahasa tawanan yang kita gunakan dalam masa peperangan. Kita anggap bahasa Inggeris itu bahasa tawanan. Apa yang kita hendak buat dengan bahasa tawanan itu terpulunglah kepada bijak-pandai kita. Jangan kita anggap bahasa Inggeris ini sebagai bahasa istimewa dan tak ada bahasa dalam dunia lebih baik daripada bahasa Inggeris sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Kerajaan dalam masa inflasi dan kemerosotan ekonomi ini telah membuat seruan-seruan supaya membanyakkan industri yang berdasarkan pertanian (agro-based industry). Saya fikir seruan ini adalah sangat baik dan sangat kena pada tempatnya, tetapi sepatutnya perkara ini telah disedari lebih awal lagi supaya bahana dan bencana inflasi dan kemerosotan ekonomi ini tidak sebagaimana yang kita terima dan hadapi pada masa sekarang ini. Sebelum kita sempat mendapat faedah dan mengambil buah daripada industri yang berdasarkan pertanian (agro-based industry) ini, sebelum kita sempat hendak menikmati hasilnya, agaknya inflasi dan kemerosotan ekonomi sudah habis. Kalau pun jadi dan dapat dikembangkan agro-based industry ini, maka ini kita harap untuk menghadapi inflasi yang akan datang selepas 10 atau 15 tahun yang akan datang, bukan untuk hendak menyelesaikan masalah yang kita sedang hadapi sekarang, tetapi walau bagaimanapun kata orang: Terlambat lebih baik daripada tak buat langsung (better late than never).

Berhubung dengan soal agro-based industry ini dan juga hendak membanyakkan bahan-bahan tanaman, saya ingin hendak mengulang lagi, Tuan Yang di-Pertua, kawasan penanaman padi yang ada dalam Negeri Johor. Saya telah menyebutkan

perkara ini dalam ucapan saya beberapa hari dahulu dalam Dewan ini. Saya tahu dalam Negeri Johor di kawasan Mersing ada kira-kira 20,000 ekar tanah yang boleh digunakan sebagai kawasan menanam padi. Jadi saya harap Kementerian yang berkenaan akan dapat membuat hubungan yang rapat dengan Kerajaan Negeri Johor dan dapat menyelesaikan perkara ini. Kerajaan Negeri Johor telah berbelanja tidak kurang daripada \$4 juta untuk menyediakan tali-tali air dalam kawasan itu, tetapi malangnya telah terbengkalai sehingga hari ini. Inilah masanya agaknya Kerajaan kita bergerak dalam perkara ini untuk mendapatkan lagi satu sumber hasil pertanian yang baik dalam tanah air kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh mengenai soal nelayan-nelayan. Saya fikir nelayan-nelayan yang ada dalam tanah air kita ini belum mendapat pandangan, perhatian dan pertolongan yang sewajarnya. Kerajaan telah menjalankan beberapa rancangan untuk hendak menolong nelayan-nelayan ini, tetapi nampaknya tidak memadai. Nelayan-nelayan ini adalah manusia yang paling malang dalam dunia ini sebab nelayan-nelayan ini keluar pergi ke tengah lautan di tengah malam buta dengan dia tak tahu samada mereka akan balik ke rumah atau tidak, entah disambar angin, dipukul dan dihentam oleh gelombang. Dan nelayan-nelayan ini yang bekerja dengan taukeh-taukeh tidak dapat hendak menubuhkan union untuk hendak menuntut hak-hak, memelihara dan menjaga hak-hak mereka, Tuhan sahajalah harapan mereka dengan tulang empat keratnya. Oleh sebab itu, nelayan-nelayan ini patut mendapat pandangan yang bersungguh-sungguh bagaimana pandangan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada orang-orang kita yang mendapat peluang duduk di dalam Rancangan-rancangan FELDA. Nelayan-nelayan mesti diberikan perhatian yang bersungguh-sungguh kerana ramai juga bilangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, saya ingin hendak menyentuh berkenaan dengan FELDA. Kawasan saya boleh dikatakan satu kawasan yang paling banyak mempunyai Rancangan-rancangan FELDA dalam Negeri Johor dan semakin banyak Rancangan FELDA ini, semakin banyak masalahnya. Saya telah banyak kali bersuara dalam Dewan ini meminta Kerajaan

menubuhkan satu badan untuk menyasiat masaalah-masaalah yang berbangkit dalam Rancangan-rancangan FELDA. Tetapi malangnya cadangan saya untuk menubuhkan badan bagi menyasiat dan menyemak keadaan dalam FELDA ini tidak didengar dan sebaliknya menubuhkan pasukan musik, pasukan menyanyi penghibur lara yang mengembara daripada satu rancangan FELDA ke satu rancangan FELDA yang lain.

Saya fikir kita perlu kepada seriousness dalam cara kita bertindak dan dalam cara kita bekerja. Kita sudah puas bermain, puas menyanyi, puas musik. Kita tidak perlukan untuk hendak melekekakan orang-orang FELDA dengan musik, dengan nyanyian dan dengan lakunan kita. Dengan kita bawa perkara ini kepada orang-orang FELDA, ini bererti kita memajukan mereka dengan perkara-perkara keseronokan, bila pasukan ini tidak datang ke dalam Rancangan FELDA, mereka telah ada wang lebih sedikit mereka keluar cari di luar. Jadi, tujuan hendak menolong penduduk-penduduk FELDA supaya menjadi orang-orang yang mempunyai pendapatan yang cukup akan gagal. Saya harap Kerajaan akan mengambil berat kerana masaalah FELDA adalah satu masaalah yang sungguh-sungguh rumit, kalau tidak Kerajaan mengambil perhatian dan mencari jalan bagaimana hendak menyelesaikan masaalah-masaalah yang ada dalam FELDA ini, saya bimbang penduduk-penduduk dalam Rancangan FELDA ini akan mengambil sikap yang akan boomerang balik kepada Kerajaan dan kepada orang yang menyediakan kawasan-kawasan untuk memperbaiki taraf hidup mereka, dan saya minta juga daripada Kerajaan supaya pegawai-pegawai FELDA yang dihantar untuk hendak berkhidmat dalam Rancangan-rancangan FELDA jangan hanyalah dipilih dan dipandang daripada kepandaian agriculturenya sebagai seorang agriculturist untuk hendak menjaga pokok getah, atau kelapa sawit dan sebagainya, tetapi kita mahu menghantar pegawai-pegawai yang ada ketokohan dan ada kebolehan untuk memimpin manusia. Dia bukan sahaja dihantar ke sana untuk menjaga pokok getah dan kelapa sawit, tetapi yang perlu untuk menjaga ketenteraman dan kebaikan manusia yang hidup dalam Rancangan FELDA.

Kalau kita mengambil pegawai-pegawai kita yang akan ditugaskan ke FELDA hanya memandang certificate agriculturenya, dan tidak kepada kebolehannya memimpin manusia, maka saya bimbang FELDA seluruhnya akan mendatangkan satu masaalah yang berat kepada Kerajaan pada masa hadapan. Saya tidak mahu menyebutkan kejadian-kejadian yang berlaku dalam FELDA. Poket saya penuh, poket seluar ada, poket baju ada, masaalah-masaalahnya banyak. Saya tidak mahu hendak menyebutkan. Saya hanya memberikan bayangan sahaja dan saya harap pihak Kerajaan benar-benar akan menyemak perkara ini dengan bersungguh-sungguh.

Dalam satu kawasan yang berhampiran dengan kawasan saya ada sebuah kampung yang dipanggil FELDA Kampung Bahagia. Dalam FELDA Kampung Bahagia ini, ada satu masaalah, iaitu satu kawasan sebanyak lebih kurang 800 ekar, pada mulanya telah diberikan kepada peneroka-peneroka untuk dimajukan. Apakala tanah itu telah dimajukan (developed), maka hasilnya pun pada mulanya, diberikan kepada peneroka-peneroka itu, tetapi akhirnya mereka diberitahu bahawa FELDA mengambil balik kawasan itu, segala hasilnya akan diambil oleh FELDA. Peneroka-peneroka ini tidak gaduh hasil yang akan datang diambil oleh FELDA, tetapi yang menjadi masaalah ialah hasil pada waktu mereka mengerjakan pada mulanya, itu yang menjadi persoalan, sehinggakan kalau tidak salah saya, peneroka-peneroka di kawasan ini telah terpaksa mengambil loyar mendakwa FELDA. Perkara yang macam ini kalau saya hendak bawa barangkali satu hari satu malam tidak cukup untuk saya bercakap berkenaan dengannya kerana sebagaimana yang saya katakan tadi dalam kawasan sayalah dalam negeri Johor yang paling banyak kawasan Rancangan FELDA. Dan baru-baru ini pula saya mendapat tahu bahawa pihak berkuasa FELDA telah mengedarkan surat perkeliling kepada rancangan-rancangan yang menanam kelapa sawit hendak menaikkan kononnya kerana harga minyak kelapa sawit ini baik, jadi Kerajaan hendak menaikkan bayaran ansuran hutang bagi peneroka-peneroka ini dan ini telah menimbulkan kegelisahan dalam Rancangan-rancangan FELDA yang bertanam kelapa sawit.

Sungutan orang-orang ini ataupun peneroka-peneroka di Rancangan FELDA ini ialah dalam keadaan inflasi ini walaupun pendapatan mereka lebih banyak daripada pendapatan orang-orang dalam rancangan getah, tetapi dalam keadaan inflasi ini dan tanggungjawab yang berat jika dinaikkan lagi ansuran bayaran hutang itu, maka ini akan menyusahkan peneroka-peneroka itu.

Saya harap perkara ini akan disemak dan diteliti oleh FELDA supaya kalau tidak betul dan tidak dijalankan lagi eloklah, tetapi FELDA belum menjalankan ini lagi, baharu menyuarakan perkara ini kepada peneroka-peneroka. Saya harap Kerajaan membuat pertimbangan yang sehalus-halusnya untuk menambahkan potongan daripada hasil peneroka-peneroka yang duduk di dalam Rancangan FELDA. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

4.02 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Abdul Rahman (Kuala Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya menimbulkan beberapa persoalan-persoalan yang saya kira penting untuk kejayaan setengah-setengah rancangan-rancangan yang telah diatur dan disusun oleh Kerajaan sesuai dengan dasarnya bagi faedah negara dan rakyat, maka sukalah saya menyertai Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah mengemukakan Belanjawan (Budgetnya) yang pertama atas sifat beliau sebagai Menteri Kewangan.

Saya kira Belanjawan bagi tahun 1975 merupakan satu budget yang boleh memberikan harapan kepada rakyat bahawa kepentingan mereka untuk hidup sebagai manusia yang sempurna sesuai dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di zaman ini akan terjamin. Kita patut merasa bangga dengan Menteri Kewangan kita yang ketiga ini di atas bukti kebolehan dan kecekapan beliau mengemukakan satu belanjawan yang mengambil perhitungan di atas suasana keadaan kewangan di saat ini dengan tidak melupakan kepentingan rakyat yang miskin yang setengah-setengahnya sedang mengalami kepahitan hidup akibat dari inflasi dan stagflasi.

Dengan tidak bertujuan hendak mengecil-kecilkan Menteri-menteri Kewangan yang dahulu, Yang Berhormat Menteri Kewangan yang ada merupakan seorang politik yang matang dan bukannya semata-mata seorang ahli perniagaan atau pakar kewangan yang memperhitungkan hal-hal untung-rugi sahaja kepada peti khazanah negara dan sangatlah tepat apa yang dikatakan oleh beliau bahawa Belanjawan adalah merupakan rancangan atau plan ekonomi. Sambutan yang baik atas belanjawan ini telah dilahirkan oleh segenap pihak. Orang-orang miskin di kampung-kampung merasa lega dan bersyukur kerana Belanjawan ini bukan sahaja tidak membebankan mereka dengan cukai-cukai baharu atau cukai-cukai yang dinaikkan bahkan juga memperuntukkan sejumlah besar wang bagi rancangan-rancangan yang boleh mendatangkan faedah kepada mereka itu.

Pendek kata, Belanjawan ini sangat tepat dan sesuai dengan keadaan inflasi yang terdapat di negara kita pada hari ini yang dirasai dengan lebih pedih oleh masyarakat yang berpendapatan rendah dari orang-orang kaya. Saya harap muga-muga Yang Berhormat Menteri Kewangan dari semasa ke semasa mengemukakan lagi cadangan-cadangan untuk mengurangkan cukai-cukai yang merupakan cukai indirect yang ditanggung oleh rakyat yang miskin dan menambahkan cukai-cukai yang boleh dan upaya ditanggung oleh mereka yang lebih baik nasibnya. Sekalipun Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang mengeluarkan kata-kata yang keterlaluan terhadap pihak Kerajaan khususnya terhadap Menteri Kewangan bahawa kononnya belanjawan ini tidak memberikan pertimbangan kepada rakyat miskin dan sebaliknya memberikan perlindungan kepada jutawan-jutawan, tetapi mereka tidak boleh lari dari hakikat bahawa belanjawan ini jelas menunjukkan hasrat Kerajaan hendak mengalihkan sedikit demi sedikit tanggungan perbelanjaan negara ke atas mereka yang berada.

Menteri Kewangan telah menunjukkan kebijaksanaannya mendapatkan wang dari punca-punca yang menasabah dan berpatutan dan mengurangkan beban ke atas orang-orang yang tidak mampu. Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang cuba hendak mengelirukan keadaan yang sebenar kerana barangkali ada di antara mereka yang

termasuk dalam golongan jutawan. Sebenarnya mereka itu bimbang akan terpaksa membayar cukai yang lebih banyak kelak, cukai yang menjadi punca kewangan untuk menolong rakyat yang miskin, yang mereka berpura-pura membelanya dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukan setakat itu sahaja yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Beliau telah menaikkan cukai ke atas barang-barang yang tertentu dan dengan kenaikan cukai ke atas barang-barang itu, maka perusahaan dalam negara atas barang yang sama boleh berkembang sehingga boleh meninggikan punca pencarian nafkah hidup rakyat dalam negara ini sendiri. Rengkasnya cukai yang seperti itu merupakan cukai perlindungan.

Satu contoh yang jelas ialah kenaikan cukai atas tembakau, kerana cukai ini dapat memberi faedah yang besar kepada rakyat-rakyat di kampung yang telah dapat mengecap nikmat dari hasil tanaman ini. Mereka dapat hidup dengan selesa dari hasil tanaman tembakau ini. Bahkan banyak pula yang dapat menyimpan wang sehingga cukup untuk keperluan-keperluan mereka yang telah lama terpendam dalam hati mereka iaitu seperti memperbaiki rumah kediaman mereka dan ada yang dapat menunaikan Fardu Haji. Saya percaya dengan kenaikan cukai tembakau ini syarikat-syarikat membuat rokok akan menambahkan lagi penggunaan tembakau tempatan dan dengan itu perusahaan menanam tembakau ini akan bertambah besar dan meluas di negara kita ini.

Terlanjur saya menyebutkan hal tembakau, saya suka merayu kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian atas kenaikan harga baja yang melambung-lambung tinggi daripada harga \$18 beberapa bulan dahulu kepada \$48 sekarang ini. Ini saya kira boleh menyekat kemajuan perusahaan ini yang baharu sahaja sedang berkembang dan baharu sahaja nekatnya dirasakan oleh pekebun-pekebun kita orang-orang miskin di kampung-kampung. Saya kira barangkali Kerajaan dapat memberi pertimbangan untuk tujuan meluaskan lagi perusahaan ini dengan memberi subsidi kepada penanam-penanam tembakau melalui harga baja ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Kerajaan terus-menerus dari semasa ke semasa mengenakan cukai impot yang lebih tinggi atas

barang-barang yang boleh diadakan dalam negeri, saya percaya perusahaan tanaman dalam negeri sendiri akan bertambah luas. Tanaman jagung misalnya yang boleh digunakan untuk makanan ternakan boleh ditanam dengan banyak di dalam negara kita ini sendiri, tetapi oleh kerana bahan ini dibenarkan masuk dari luar dengan tidak ada had, maka orang-orang kampung mendapati tidak untung bagi mereka menanam jagung sebab harganya terlampau murah dengan adanya pertandingan dari jagung yang diimpot itu. Saya dapat tahu jagung yang diimpot harganya cuma \$12 sahaja sepikul, tetapi orang-orang kampung tidak tahan untuk menjual dengan harga itu, melainkan mereka sanggup menjual dengan harga \$20 lebih pada sepikul. Dan dengan sebab itu, rancangan menanam jagung seperti yang mula-mula diura-urakan untuk dijalankan di Negeri Trengganu terpaksa dibatalkan. Ringkasnya, banyak lagi bidang-bidang lain yang boleh disiasat oleh pihak Kerajaan untuk memberi punca kewangan kepada rakyat negara kita ini dengan syarat disesuaikan dasar antara satu Kementerian dengan satu Kementerian yang lain. Penyelarasan pada peringkat kebangsaan mestilah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan Dewan ini pada kali ini telah banyak dipertanyakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai inflasi, satu penyakit yang dirasakan pahit-maungnya bukan sahaja oleh orang-orang yang lumayan hidupnya, tetapi yang lebih dahsyat lagi orang-orang yang berpendapatan rendah. Tuan-tuan punya kilang atau ahli-ahli perusahaan masih boleh hidup dengan senang-lenang apakala kilang mereka ditutup, tetapi pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja bertempiran dengan tidak mempunyai nafkah hidup untuk makan sehari-hari.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Belanjawan Tahun 1975 ini, anggaran perbelanjaan yang telah dimasukkan bagi tahun itu membuktikan dengan jelas betapa besarnya hasrat Kerajaan hendak memperbaiki kehidupan rakyat yang miskin dengan cara menggunakan dengan sepenuhnya-penuhnya nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Yang Maha Kuasa kepada negara kita ini, dan bukannya semata-mata menumpukan kepada bidang-bidang baharu sahaja. Tanah yang masih beratus ribu ekar yang belum

diteroka akan dibuka oleh Kerajaan untuk kita berdikari dalam masaalah makanan. Ini satu berita baik. Ini saya kira satu rahmat dari keadaan inflasi yang kita sedang hadapi sebagaimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kita telah pernah membuat silap, silap perhitungan di masa lepas. Tanaman padi di negara kita telah dihadkan setakat 90% sahaja dari keperluan negara, kerana bimbang beras tidak dapat dijual, walhal beberapa tahun dahulu pihak Bangsa-bangsa Bersatu sendiri telah membuat telahan bahawa dunia akan menghadapi kekurangan bahan-bahan makanan. Bahkan ada pihak yang mempersoalkan kebijaksanaan Kerajaan membina Rancangan Taliair Muda di Kedah dan Kemubu di Kelantan, dengan alasan projek menanam padi tidak dapat memperbaiki kehidupan rakyat menanam padi, kerana harga padi rendah pada ketika itu. Sangkaan ini sekali lagi ternyata silap kerana singkat pandangan pihak-pihak yang bertanggungjawab. Inflasi mempunyai hikmah-hikmah yang tertentu dan bagi negara kita, saya harap pihak Kerajaan tidak lagi membuat perhitungan yang silap seperti yang lepas.

Beberapa hari yang lepas, Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu sekali lagi membuat kenyataan dan melahirkan kebimbangan tentang berlakunya kekurangan bahan-bahan makanan yang hebat dalam beberapa tahun yang akan datang ini, bukan sahaja kerana inflasi, tetapi kerana makin bertambah ramainya umat manusia di atas muka bumi ini. Inilah waktunya yang keemasan bagi pihak Kerajaan menukar dan mensesuaian fikiran rakyat yang di masa yang lepas telah begitu cuai sekali dalam usaha mereka membuka dan meneroka tanah-tanah. Beratus-ratus ribu ekar tanah yang telah diluluskan, oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak diusahakan oleh rakyat pada masa ini.

Saya suka menyarankan kepada Kerajaan dalam menghadapi soal pengeluaran bahan-bahan makanan ini terutama sekali beras, pihak Kerajaan hendaklah keras dan tegas supaya cita-cita menambahkan makanan ini berhasil. Dengan adanya telahan Bangsa-bangsa Bersatu tentang kekurangan makanan yang akan dihadapi oleh dunia dan dengan

adanya kemudahan-kemudahan tanah yang dikurniakan oleh Allah kepada kita, sudah sepatutnya matlamat negara kita bukan sahaja untuk mengadakan makanan yang cukup untuk keperluan sendiri, tetapi menjadikan negara kita ini sebuah negara yang mengeluarkan dan menjual makanan ke negara-negara lain seperti yang telahpun dilakukan oleh negara-negara jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sukacita dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas langkahnya menjalankan penyiasatan di atas kemungkinan membuka ladang-ladang padi. Bagi saya sendiri, saya yakin ini adalah satu langkah yang bijak dan mesti dilaksanakan segera, kerana soal makanan ini menjadi masaalah negara dan masaalah dunia. Saya percaya langkah ini tidak akan menjejaskan kedudukan penanam-penanam padi yang ada sekarang memandangkan kepada keperluan dunia yang lebih besar di masa yang akan datang.

Kerajaan patut melatih belia-belie dari sekarang ini juga tentang cara-cara menanam padi. Ini boleh menampung keperluan pekerjaan oleh belia-belie yang makin hari makin bertambah mendesak dengan tertutupnya kilang-kilang. Saya rasa Pusat Latihan Belia elok mengadakan kursus dalam lapangan ini yang saya kira boleh memberi keuntungan yang lebih kepada belia-belie dan lebih terjamin masa hadapan mereka dari pekerjaan-pekerjaan yang lain. Rengkasnya, Kerajaan perlu bertindak cepat untuk melaksanakan rancangan ini dengan menggunakan segala ikhtiar bukan dengan mengambil perjalanan secara biasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tidak siapa pun dapat menafikan di atas kemajuan dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia sehingga hari ini, bahkan kita disanjung tinggi dan dipuji serta dicontohi oleh beberapa negara lain. Kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita dari semenjak kita mencapai kemerdekaan kira-kira 17 tahun dahulu telah dapat menjamin kesejahteraan hidup rakyat negara kita pada hari ini. Sekalipun tekanan inflasi sedang dirasakan oleh rakyat, tetapi kita masih terletak di dalam lingkungan negara-negara yang dapat mengawal dan memelihara kehidupannya. Apa yang menjadi tanda-tanya ialah sejauh manakah kemajuan-kemajuan dan kejayaan-kejayaan itu meliputi negara kita ini. Adakah seluruh bahagian Malaysia ini

mengecap nikmat dari angka-angka kemajuan yang pernah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan? Berapa peratuskah rakyat yang mendapat faedah dari kemakmuran yang terdapat di negara kita ini? Jawapannya adalah sangat menyedihkan. Laporan Ekonomi 1974-1975 memberi jawapan-jawapan kepada soalan-soalan ini dan mengesahkan ketidakadilan perkembangan kemajuan di negara kita ini. Saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan yang berani berterus-terang menyatakan dalam Laporan itu bahawa kekayaan yang dinikmati oleh rakyat tertumpu kepada segolongan manusia sahaja.

Kata Laporan itu, golongan 20% daripada isi rumah yang berada diperingkat tinggi telah naik pendapatannya dari lebih kurang separuh dari jumlah pendapatan pada tahun 1957 kepada 56% menjelang tahun 1970.

Kedudukan peringkat kedua, seramai 20% lagi tidak berbeza di antara tahun 1957 dengan tahun 1970, tetapi yang menyedihkan sekali ialah bakinya 60% dari jumlah penduduk yang terdiri dari golongan miskin telah turun dari 30% pada tahun 1957 kepada 25% pada tahun 1970.

Ini bererti yang kaya bertambah kaya, yang miskin undurlah mereka setapak ke belakang. Kata Laporan itu lagi kajian tahun 1970 menunjukkan 87% dari keluarga miskin terdapat di luar bandar. Kalau kita bertanya pula, siapakah yang duduk di luar bandar itu? Kita sendiri boleh menjawabnya iaitu orang Melayu pada umumnya. Ini terbukti dari kenyataan dalam Laporan itu juga di bawah tajuk "Keadaan Kemiskinan" yang dengan terang menyatakan bahawa angka-angka isi rumah di empat buah negeri iaitu, Kedah, Kelantan, Perlis dan Trengganu adalah sangat tinggi dan melebihi dari seluruh kejadian kemiskinan.

Laporan itu mengatakan:

Di Kelantan sebanyak 64.9%;

Di Perlis 58.7%;

Di Trengganu 55.1%

Di Kedah 48.9% kemiskinan berlaku.

Keempat-empat Negeri ini, kata Laporan itu merupakan sebanyak 40.8% dari semua kepapaan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang papa itu? Bukankah mereka itu orang-orang Melayu. Kerana saya kira pukulrata 90% penduduk-penduduk 4 buah Negeri yang tersebut adalah terdiri dari orang Melayu.

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah Subhanahu wataala, kerana dalam Laporan itu juga ada menyatakan usaha-usaha yang sedang dijalankan dan akan dijalankan oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan-keadaan yang pincang itu. Soalnya setakat manakah kesungguhan pihak-pihak yang diberi tugas dan tanggungjawab untuk melaksanakan rancangan-rancangan itu menjalankan kewajipan mereka masing-masing.

Saya merayu supaya Kerajaan Bertindak yang ada sekarang memperkemas segala sekeru-sekeru, bolt dan nut jentera Kerajaan supaya jentera itu dapat berjalan selaras dengan cita-cita Kerajaan.

Saya tidak berhak bercakap apa yang berlaku diempat-empat buah Negeri-negeri yang malang ini, melainkan sedikit-sebanyak apa yang pernah dialami di Negeri Trengganu di mana 96% dari rakyatnya seramai lebih sedikit 400,000 orang itu terdiri dari bumiputra. Keseluruhan Negeri itu bolehlah kita katakan atau bolehlah kita takrifkan sebagai, kawasan luar bandar dan berertilah 87% dari keluarga-keluarga dalam negeri itu terdiri dari keluarga-keluarga miskin. Tadi saya bertanya setakat manakah kesungguhan pihak yang bertanggungjawab menjalankan tugas mereka? Pada saya sendiri dari pengalaman-pengalaman yang saya perolehi, kesungguhan itu setakat 50% sahaja yang terdapat dalam perlaksanaannya. Bahkan ada kalanya kemudi yang diputar oleh para anggota Kerajaan yang saya sifatkan atau ibarat sebagai pemandu, tidak diikuti oleh jenteranya sendiri. Ke kanan yang diputar kemudinya oleh pemandu, ke kiri jenteranya berpusing. saya akan cuba menceritakan dengan ringkas sahaja dalam ucapan saya ini kemudian kelak.

Tuan Yang di-Pertua, menurut apa yang selalu diucapkan oleh Yang Berhormat para Menteri, Negeri-negeri kenalah menyusun rancangan-rancangannya sendiri, baik dalam bidang apa jua sekalipun. Dan dengan secara tidak langsung dikehendaki bertanding di antara satu sama lain. Jika tidak Negeri itu tidak akan mendapat apa-apa bahagian pun

dalam kemajuan-kemajuan yang dibuat dalam negeri kita ini. Trengganu yang masih banyak handikap diletakkan pada tempat yang sama dengan tidak ada kesihan-belas. Ini jelas sekali dari apa yang berlaku dalam penyusunan Rancangan Malaysia Kedua, dalam mana projek-projek di bawah rancangan itu untuk Negeri Trengganu amat sedikit sekali. Apakala dicabut dan ditaip maka didapati projek-projek untuk Trengganu tidak penuh di atas sehelai kertas pun.

Alhamdulillah, setelah didesak dan dirayu, maka projek-projek tambahan telah dimasukkan dalam kajian Rancangan Malaysia Kedua itu. Trengganu banyak juga menyusun dan mengangkat rancangan-rancangannya kepada Kerajaan Persekutuan. Kita mengakui bahawa boleh dikatakan adalah juga rancangan-rancangan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat dan yang tersebar ialah Multi-Purpose Dam yang sedang dalam peringkat penyiasatan yang terakhir.

Dari segi Public Sector kita dapat juga bahagian sedikit sebanyak tetapi dari kalangan Private Sector boleh dikatakannya tidak ada langsung yang datang menanam modal mereka di negeri itu. Trengganu tidak guna menghantarkan rombongannya keluar negeri pada masa yang lepas untuk menarik penanaman modal, kerana selain dari tanah, tidak ada benda yang menarik yang boleh dijual kepada penanam-penanam modal asing.

Kedudukannya yang jauh dari pelabuhan, ketiadaan kemudahan-kemudahan perhubungan seperti keretapi, lapangan terbang yang besar, keadaan jalanraya yang belum mencapai taraf yang tinggi, kekurangan perbekalan kuasa letrik yang mahal harganya sehingga akhir tahun ini, kekurangan perbekalan air, lain-lain kemudahan sosial adalah faktor-faktor yang telah mengurangkan kecenderongan mereka datang ke Negeri Trengganu. Faktor-faktor ini setengah-setengahnya sedang dan akan diatasi.

Pelabuhan Kuantan, pembinaan Multi-Purpose Dam, pembesaran landasan kapal-terbang adalah projek-projek yang dapat mengatasi kemunduran Negeri Trengganu dari segi perusahaan dan penanaman modal asing. Kelewatan mengadakan kemudahan-kemudahan ini bukanlah boleh disalahkan kepada Kerajaan Trengganu.

Jika disemak dalam Kementerian Kementerian yang berkenaan akan didapati cadangan-cadangan yang pernah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Trengganu dari semenjak hampir tiga tahun yang lepas untuk mengadakan pelabuhan di Trengganu, membesarkan lapangan terbang untuk jet-jet boleh turun, menurunkan harga bayaran kuasa letrik dan lain-lain. Alhamdulillah, sekarang baru nampaknya projek-projek itu akan dilaksanakan. Banyak juga ahli-ahli perusahaan, millionaire yang datang ke Trengganu dengan tujuan hendak meninjau kemungkinan menanam modal di sana dan di antara mereka itu ada yang datang dari luar negeri, iaitu pemodal-pemodal asing, tetapi selain dari mengatakan dan memuji negeri itu sebagai sebuah negeri yang cantik dan indah, orang-orang kaya itu balik dengan tidak datang-datang lagi ke sana. Ada juga yang berjanji hendak membuat itu dan ini, tetapi kesemuanya menghilangkan diri dan tidak ada yang menghasilkan sesuatu melainkan seorang sahaja.

Kemudahan-kemudahan dan kesenangan telah dijanjikan kepada millionaire itu dari segi kelulusan tanah dan sebagainya yang Kerajaan Negeri mempunyai kuasa. Untuk cuba menarik minat penanam-penanam modal itu meneruskan rancangan-rancangan masing-masing di Trengganu, pernah Kerajaan Trengganu mencadangkan supaya diberi insentif yang lebih dengan berupa subsidi yang berasaskan pelepasan cukai minyak bagi meringankan beban bakal-bakal penanam modal itu dalam perbelanjaan transport mereka.

Incentive 10 tahun pelepasan dari cukai yang diberikan pada masa ini, saya kira tidak begitu menarik kepada penanam-penanam modal untuk datang ke negeri Trengganu. Malangnya cadangan ini ditolak. Yang menghairankan lagi pembinaan landasan kapal terbang yang lebih panjang itu sepatutnya dimulakan dua tahun dahulu, kerana masa itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengisytiharkan kelulusan projek itu semasa Yang Amat Berhormat itu melawat Negeri Trengganu. Setakat yang saya tahu projek ini telah pernah ditolak oleh N.D.P.C. atas alasan tidak cukup penumpang-penumpang yang menggunakan lapangan terbang itu. Faedah-faedah lain dari segi perkembangan perindustrian tidak diambil perhitungan. Walhal ahli-ahli

perusahaan yang pernah datang ke Trengganu dalam perbualan mereka dengan pihak Kerajaan sentiasa menyebut tentang peri mustahaknya Trengganu mempunyai lapangan-terbang yang besar untuk kegunaan mengangkut barang-barang yang mungkin dikeluarkan dari negeri itu setelah kilang-kilang dibuka. Ini salah satu contoh yang menunjukkan ketiadaan penyelarasan di antara pihak jentera dengan dasar Kerajaan.

Selain dari itu, saya juga diberitahu, kalau hendak menarik modal asing, kenalah diadakan kemudahan-kemudahan sosial yang sempurna untuk bakal ahli-ahli perusahaan seperti ahli-ahli perusahaan dari Jepun, Jerman dan lain-lain menggunakannya semasa berkhidmat dengan syarikat-syarikat mereka di Trengganu. Mereka mahukan sekolah yang baik untuk anak-anak mereka, hospitaal yang lengkap, padang golf, panggung wayang bahkan night club. Ini semua kemudahan-kemudahan sosial yang kurang di Trengganu dan perlu diadakan.

Saya menyebut semua masaalah ini untuk perhatian Kementerian-kementerian yang berkenaan terutama sekali Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang telah menyatakan di dalam Dewan ini beberapa hari yang lepas bahawa terpulanglah kepada negeri-negeri sendiri untuk menggunakan kebijaksanaannya bagi menarik modal-modal masuk ke negeri masing-masing bagi membuka perusahaan-perusahaan. Pendirian yang seperti ini, saya kira tidak sesuai kiranya Kerajaan Pusat hendak melihat setiap pelusuk negara kita ini beroleh kemajuan dalam lapangan perindustrian dan dengan itu membuka peluang pekerjaan. Jalan-jalan bagi mengatasi kepincangan yang ada ini perlu dicari oleh Kementerian yang bertanggungjawab di atas perkembangan-perkembangan perindustrian dan tidak dipulangkan terus-menerus kepada negeri seperti Trengganu. Mustahil Trengganu dapat bertanding dalam bidang ini dengan Negeri-negeri seperti Selangor, Perak, Pulau Pinang, Melaka dan lain-lain dan kiranya Kementerian terus berpegang kepada sikap yang ada sekarang maka jangan diharap Trengganu akan mendapat bahagiannya dalam kemajuan perindustrian ini. Kementerian patut mengamalkan dasar yang dipakai di setengah-setengah negara iaitu menentukan ke atas ahli-ahli perusahaan supaya membuka kilang-kilang mereka di tempat-tempat yang ditunjukkan

oleh pihak Kerajaan. Saya rasa cara yang seperti ini dapat diamalkan di masa akan datang yang boleh memberi peluang kepada seluruh rakyat di negara kita ini mendapat kesempatan yang sama dalam perkembangan perindustrian di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu dari perusahaan-perusahaan yang sangat sesuai bagi Negeri Trengganu ialah perusahaan pelancungan. Malangnya Trengganu tidak mendapat bahagian yang seimbang dalam perusahaan ini sekalipun ianya mempunyai segala kecantikan alam semula jadi yang jarang terdapat di negeri-negeri lain dan kaya dengan kebudayaan dan kesenian yang boleh ditunjukkan kepada pelancang-pelancang. Keadaan ini berlaku bukan salah Kerajaan Negeri, kerana adanya dasar Kerajaan Pusat menjual seluruh Malaysia ini sebagai pusat pelancungan dengan tidak menentukan tempat-tempat yang khusus sahaja. Sekali lagi, Negeri Trengganu mesti bertanding dengan Negeri-negeri lain yang mempunyai lebih banyak kemudahan-kemudahan seperti yang telah disebutkan tadi.

Setahu saya di negara-negara lain mereka menjual tempat-tempat yang tertentu sahaja kepada bakal-bakal pelancang seperti Bali, Bandung, Danau Toba di Indonesia, Cheingmai, Hua Hin di Thailand dan sebagainya. Oleh itu, saya rasa Lembaga Pelancungan patutlah menimbang sistem yang sama untuk negara kita ini. Saya tidak hendak mengecil-ngecilkan apa yang telah dibuat oleh Lembaga itu di seluruh Malaysia, tetapi setakat yang mengenai dengan Negeri Trengganu, Lembaga itu tidak buat banyak usaha-usaha untuk memajukan pelancungan di negeri itu. Yang ada dibuat oleh Lembaga itu ialah mendirikan sebuah motel di Kuala Trengganu. Sebuah lagi tempat persinggahan pelancang-pelancang yang dicadangkan dibuat dari semenjak empat lima tahun dahulu di pusat penyu bertelur di Rantau Abang, sehingga hari inipun belum terbina. Walhal, wakil-wakil PATA yang datang ke Trengganu semuanya bersekata menyatakan dan mengeluarkan pandangan mereka dalam talivisyen bahawa Negeri Trengganulah yang patut dikembangkan dan dimajukan sebagai pusat perlancongan bagi Malaysia, kerana bukan sahaja kecantikan alam semula jadi yang terdapat di negeri itu, tetapi juga ianya kaya dengan berbagai-bagai rupa kesenian dan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi Lapuran Ekonomi itu juga telah menjelaskan dengan panjang langkah-langkah yang telah diambil untuk membetulkan beberapa kepincangan dalam ekonomi di kalangan rakyat. Lapuran itu menceritakan mengenai pembukaan tanah oleh FELDA dan badan-badan Kerajaan yang lain dan penubuhan badang-badan berkanun seperti Majuikan, Majuternak, PERNAS, UDA dan sebagainya. Yang menarik perhatian saya ialah kenyataan bahawa Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sedang menjalankan beberapa projek-projek perniagaan borong dan runcit di seluruh negara. Sebenarnya penubuhan syarikat-syarikat perniagaan borong oleh SEDC adalah atas arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menurut surat pekeliling yang ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat itu, kalau tidak silap saya Surat Pekeliling Bil. 1/1972 dengan tujuan hendak memberi kemudahan kepada pekedai-pekedai runcit bumiputra menjalankan perniagaan mereka. Hari ini syarikat perniagaan borong SEDC Trengganu yang bernama Babena sedang berjalan dengan baik dan perniagaannya telah meningkat kira-kira di antara \$700,000 sehingga \$1 juta sebulan. Apa yang saya hendak menceritakan dalam Dewan ini ialah bagaimana susahnya SEDC Trengganu hendak mendapatkan wang modal, kerana perbadanan itu sendiri tidak mempunyai kewangan yang cukup. Sekalipun perintah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu menjadi satu dasar, tetapi apakala SEDC Trengganu memohon pinjaman wang dari Kerajaan Pusat, bermacam-macam halangan dan rintangan terpaksa dilalui sebelum wang itu diperolehi. Pihak Treasury tidak mengambil berat dasar yang di buat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan sekalipun akhirnya wang pinjaman itu diperolehi jumlahnya tidak mencukupi. Maka SEDC Trengganu tidak ada jalan lain, melainkan terpaksa pula berhutang kepada bank dengan bayaran interest yang tinggi untuk melaksanakan dasar Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri itu dengan sepenuh-penuhnya, bukan untuk melepaskan batuk di tangga, dan bukan untuk mencari keuntungan, tetapi untuk memberi jaminan kepada peniaga-peniaga kecil bumiputra. Sekali lagi kita nampak sikap jentera Kerajaan dalam menimbangkan satu-satu project paper yang dibuat oleh Negeri yang cuba hendak memenuhi arahan Kerajaan Pusat.

Yang anihnya lagi sekalipun arahan No. 1 Tahun 1972 itu masih berkuatkuasa, dengan tidak semena-semena muncul pula satu idea baru untuk menolong bumiputra dan lain-lain kaum dalam perniagaan iaitu penubuhan perniagaan borong oleh PERNAS dengan menggunakan sistem cash and carry. Bersalahan dengan sistem yang dijalan oleh SEDC, PERNAS-EDAR ini menjual barang dengan cara cash. Saya masih ragu-ragu siapakah sebenarnya yang akan untung dari sistem ini. Sementara tujuan SEDC berniaga bagi pihak bumiputra sebagai penjaga amanah bumiputra, kerana adalah menjadi tujuannya pada satu masa kelak perniagaan borong itu akan diserahkan kepada bumiputra, tetapi PERNAS-EDAR akan berkekalan menjalankan perniagaannya untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga nasib project paper yang lain yang pernah dihantar untuk mendapatkan pinjaman wang dari Kerajaan Pusat bagi rancangan-rancangan yang tertentu sesuai dengan dasar yang dibuat oleh Kerajaan Pusat sendiri. Kalau nampak kurang sedikit untungnya atau tidak begitu besar untungnya dikatakan tidak viable dan ditolak. Tetapi yang menghairankan lagi kiranya project paper itu nampak besar sedikit untungnya jawapan yang diterima ialah pinjamlah wang dari bank. Pihak yang menimbangkan tidak sedikit pun mengambil perhitungan dari segi faedah kepada masyarakat dan tidak menghirau dasar yang dibuat oleh Kerajaan Pusat sendiri. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab dalam Kementerian dapat mengubah sikap ini dan memahami dengan bersungguh-sungguh hasrat dan cita-cita Kerajaan di sebalik sesuatu dasar yang ditetapkan dan apakala menimbangkan satu-satu project paper janganlah semata-mata menimbangkan dari segi viabilitinya sahaja.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada Laporan Ekonomi itu lagi pada muka 47 di bawah tajuk "Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri" di mana ada tersebut:

Perusahaan bersama membalak sedang diusahakan bersama oleh SEDC Trengganu dengan Rumania.

Saya suka membetulkan dua kesilapan dalam kenyataan ini. Pertama perusahaan-perusahaan itu bukannya perusahaan membalak, tetapi perusahaan kompleks kayu-kayuan (integrated timber complex) yang bermatlamat mengeluarkan kayu yang telah diproses dan bukannya untuk kerja membalak. Kedua projek itu sehingga hari ini belum tentu hujung pangkalnya lagi. Saya harap pihak Kerajaan Pusat dapat memberi green lightnya segera atas projek itu dan menyelesaikan butir-butir yang menjadi perselisihan dengan pihak Rumania dengan secepat mungkin, kerana projek ini amat besar maknanya kepada rakyat dan negeri Trengganu. Janganlah terlampau keras sangat memegang syarat-syarat, sebab keuntungan yang akan diperolehi oleh negara dari technical know-how yang akan diberi oleh pihak Rumania itu sangatlah besar. Kepakaran mereka dalam perusahaan ini telah mencapai kemajuan yang sangat tinggi. Tiap-tiap bahagian dari sebatang pokok, atau sebatang kayu itu, melainkan daunnya, boleh digunakan untuk dibuat sesuatu sebagaimana yang dilakukan oleh pakar-pakar kayu Rumania pada masa ini. Seheinggakan debu kayu pun digunakan oleh mereka untuk dibuat makanan binatang ternakan. Inilah faedah yang akan dapat diperolehi oleh negara kita umumnya dan penduduk-penduduk serta negeri Trengganu khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru yang hendak mengecilkan jurang perbezaan di antara yang berada dengan yang tidak berada disambut baik oleh segenap pihak. Pada umumnya nyatalah kalangan yang tidak berada itu terdiri dari orang-orang Melayu sebagaimana yang terdapat dalam empat buah negeri-negeri yang telah saya sebutkan tadi. Dasar Kerajaan yang bersungguh-sungguh membukakan peluang kepada orang-orang yang kurang bernasib baik ini pada pandangan saya susah sedikit hendak mencapai kejayaan yang pesat disebabkan oleh faktor-faktor kewangan yang

lemah di kalangan orang Melayu. Alhamdulillah, banyak punca-punca kewangan badan-badan dan bank-bank yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menolong bumiputra memperbaiki nasib hidup mereka, tetapi dalam pelaksanaannya banyaklah kesulitan-kesulitan sehingga menimbulkan rasa kekecewaan di kalangan pemohon-pemohon itu.

Bank Pertanian misalnya, bukanlah mudah bagi seseorang hendak mendapatkan pinjaman daripadanya sekali pun setakat ini bank itu telah dikatakan mengeluarkan pinjaman berjumlah kira-kira \$32 juta. Ya, saya mengakui bahawa banyak orang-orang yang telah mendapat peluang pinjaman daripada Bank Pertanian ini misalnya, tetapi ini bukanlah boleh kita membuktikan bahawa perjalanan pinjaman itu telah dapat dibuat dengan cara yang baik dan teratur. Bagi seseorang yang hendak meminjam wang itu mereka kenalah mengadakan project paper dan dikenakan interest yang bukan kecil. Bagi orang-orang kampung tentulah amat sulit hendak menyediakan project paper sebagaimana yang dikehendaki. Oleh itu, saya fikir amatlah perlu dan patut bagi Bank Pertanian serta badan-badan lain mengadakan perkhidmatan khusus untuk menolong orang-orang kampung menyiapkan kertas-kertas kerja bagi perusahaan yang mereka hendak jalankan.

Mengenai dengan interest pula, saya kira tidaklah patut orang kampung dikehendaki membiayai perbelanjaan perkhidmatan badan-badan dan bank-bank peminjam melalui interest atas pinjaman itu. Kalaupun begitu perlu interest dikenakan, maka kadarnya bukanlah sampai 9% ataupun lebih, tetapi setinggi-tingginya 4%-5%, sama dengan kadar pinjaman yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Saya percaya dengan cara ini usaha-usaha Kerajaan hendak memperbaiki kepincangan dalam masyarakat kita di antara orang yang berada dengan yang tidak berada akan lebih cepat mendapat kejayaan. Begitu juga usaha-usaha Kerajaan hendak menambah makanan dan binatang ternakan akan segera tercapai kerana banyak pula di antara orang-orang kampung yang hendak meminjam wang dari Bank Pertanian dan sebagainya untuk menjalankan usaha ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, badan Kerajaan yang tertua yang memberi pinjaman wang kepada bumiputra ialah MARA. Inilah satu-satunya badan yang telah banyak berjasa kepada rakyat bumiputra. Dalam pada itu, saya nampak ahli-ahli perusahaan termasuk pemborong-pemborong kecil Melayu yang pernah mendapat pinjaman wang dari MARA untuk kerja-kerja mereka, ada yang membuat pinjaman dari semenjak 15 tahun dahulu, masih lagi pada hari ini bergantung kepada MARA setiap kali mereka berjaya mendapat tender menjalankan satu-satu pekerjaan. Ini membuktikan bahawa ada benda yang silap dalam sistem pinjaman yang diamalkan sekarang ini, dan tidak dapat menghasilkan tujuan Kerajaan hendak melahirkan satu kumpulan pemborong-pemborong bumiputra yang benar-benar dapat berdiri di atas kaki sendiri setelah pada mulanya mereka mendapat pertolongan kewangan dari MARA. Dengan sebab itu, saya kira adalah penting bagi Lembaga itu berikhtiar, mencari jalan supaya keadaan ini tidak berlarutan dan jika perlu melantik sebuah Jawatankuasa Khas bagi mengkaji hal ini. Saya percaya tentu ada yang tidak kena dalam sistem yang ada sehingga menyebabkan pemborong-pemborong bumiputra itu terus-menerus bergantung kepada MARA, dan apakala MARA terpaksa menolak permohonan mereka, maka pergilah pula mereka berjumpa dengan taukeh-taukeh untuk berhutang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan masalah nelayan, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah berucap dalam Dewan ini beberapa hari yang lepas mengenai dengan masalah ini dan melahirkan rasa tidak puas hati di atas layanan Kerajaan terhadap masyarakat itu bagi meninggikan taraf hidup mereka. Saya rasa, saya tidak menunaikan tanggungjawab saya kiranya saya tidak menyertai dan menyokong kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Jika kita semua menyasiat dan mengkaji dengan halus, kita akan dapati bahawa kita tidak boleh berbangga dengan apa yang telah dibuat selama 17 tahun kita mencapai kemerdekaan untuk membela untung nasib kaum yang bergadai nyawa mereka bagi mencari rezki yang halal untuk keperluan hidup mereka, walhal mereka menghadapi dengan bermacam-macam percubaan, hasil pendapatan pekerjaan mereka tidak begitu besar, mereka

menerima tekanan-tekanan dari pihak-pihak yang tertentu. Memang diakui bahawa soal ini adalah satu masalah yang rumit, yang memerlukan usaha-usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengatasinya. Tetapi setiap penyakit ada ubatnya, tiap-tiap teka-teki ada jawapannya. Kita patut memandang perkara ini dari dua segi. Pertama dari segi perusahaan perikanan dan satu lagi dari segi problem sosial kaum nelayan.

Perkara yang pertama, iaitu untuk menambahkan hasil dari perusahaan ikan, tidaklah begitu sulit diatasi dan sedang dibuat persiapan oleh pihak Kementerian yang berkenaan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, iaitu melancarkan rancangan-rancangan penangkapan ikan di lautan jauh dan dalam. Saya harap rancangan ini dapat dilaksanakan dengan segera.

Problem yang kedua iaitu untuk memperbaiki kehidupan kaum nelayan keseluruhannya yang menjadi soal yang rumit. Usaha mengadakan rancangan menangkap ikan di lautan lepas, bererti memodenkan perusahaan itu dengan cara-cara yang sophisticated. Ini bererti tidak banyak tenaga manusia yang dikehendaki. Di Trengganu misalnya, sekim ini akan dapat menangkap tidak lebih daripada seribu orang nelayan dari jumlah 12,000 orang nelayan yang ada di negeri itu. Saya tidak menafikan di atas adanya sekim pemasaran yang telah dilancarkan oleh MAJUIKAN yang boleh memperbaiki harga ikan dan dengan itu sepatutnya menambahkan pendapatan nelayan-nelayan. Kalau dahulunya ikan yang ditangkap di Trengganu melalui lebih kurang 6 peringkat orang tengah sebelum ikan itu sampai ke tangan pengguna-pengguna di pasar-pasar Kuala Lumpur misalnya, maka sekarang orang-orang tengah yang hidup di atas titik peluh nelayan-nelayan yang diibaratkan seperti lintah yang menghisap darah, dapat dihapuskan apakala sistem pemasaran MAJUIKAN itu dilaksanakan dengan sepenuhnya. Tetapi sayang sedikit, kerana setahu saya MAJUIKAN belum lagi mempraktikkan sistem ini kerana bimbang dengan tindak-balas dari taukeh-taukeh motor ikan, taukeh-taukeh pukut dan ahli-ahli perniagaan ikan yang lain. Persoalan yang dihadapi ialah setelah harga-harga ikan itu telah naik adakah tambahan wang itu akan dapat dikecap bersama oleh

nelayan-nelayan yang kita di Trengganu gelar atau panggil “nelayan sebilah pengayuh”, atau adakah wang itu akan habis di tengah jalan dibahagi-bahagikan sahaja di antara tuan-tuan motor dan lain-lain. Nelayan-nelayan di Trengganu dapat bekerja selama setinggi-tingginya 9 bulan sahaja dalam setahun kerana adanya musim tengkujuh. Dalam musim tengkujuh mereka terpaksa berhutang kepada tuan-tuan motor atau taukeh-taukeh ikan atau kedai-kedai untuk membeli makanan. Tahun demi tahun mereka berhutang dan dengan ini bererti diri mereka tergadai kepada taukeh-taukeh. Dengan sebab itulah nelayan-nelayan ini terlekat seperti hamba-abdi kepada tuan-tuan punya motor atau taukeh-taukeh ikan itu semur hidup mereka. Dalam soal ini Kerajaan perlu memberikan bantuan kepada nelayan-nelayan itu dengan berupa perlindungan yang mempunyai kuat-kuasa undang-undang. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya pihak Kementerian berkenaan memikirkan dan mengkaji kemungkinan membuat undang-undang bagi menentukan pembahagian wang dari hasil penjualan tangkapan ikan di antara tuan-tuan punya motor dan taukeh-taukeh dengan nelayan-nelayan sendiri.

Kerajaan juga patut mencari jalan bagi melepaskan ikatan ke atas nelayan-nelayan itu dengan pihak taukeh-taukeh, dan kiranya Kerajaan telah dapat berbuat demikian bagi penanam-penanam padi untuk menghapuskan padi kunca, maka saya tidak nampak sebab kenapa Kerajaan juga tidak dapat menghapuskan apa yang saya suka panggil pada hari ini sebagai “ikan kunca”.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang kelmarin Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menimbulkan mengenai tanah beres di sekeliling perkampungan nelayan. Ini juga satu masalah yang patut dikaji oleh pihak Kerajaan. Di Trengganu, Pejabat Pertanian Trengganu telah menjalankan penyiasatan di atas kegunaan tanah itu dan didapati banyak faedah yang boleh didapati oleh nelayan-nelayan kita sekiranya mereka sanggup berusaha, bukan sahaja menanam pokok gajus atau kelapa, tetapi juga untuk menanam tanaman-tanaman seperti bawang merah, cili, betik, mempelam dan satu dua jenis tanaman-tanaman yang lain. Kita telah dapati bahawa tiap-tiap sekati bawang merah yang ditanam, penanam itu akan dapat 10 kati dalam tempoh masa 3 bulan atau 100 hari. Ini juga

satu lagi bidang pertanian yang patut digalakkan dengan syarat bawang-bawang dari luar disekat masuk ke negara kita ini setelah tanaman bawang itu diusahakan dengan bersungguh-sungguh.

Inilah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

*5.01 ptg.*

**Tuan Racha Umong (Limbang-Lawas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mengambil kesempatan ini untuk menjelas atau melanjutkan ucapan saya pada minggu yang lalu mengenai permohonan lebih banyak wang peruntukan untuk kawasan Lawas dan Limbang, bererti untuk Sarawak oleh sebab kedua-dua kawasan yang tersebut lebih banyak lagi projek-projek rancangan pembangunan dan sebagainya yang patut dibina dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini masih banyak yang perlu dan yang penting akan dibina di dalam kawasan tersebut sehingga untuk mengatasi masalah-masalah mereka atau penduduk-penduduk dalam kedua-dua kawasan tersebut. Masalah yang harus diatasi adalah seperti berikut.

Pertama sekali, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dan terlebih pula kepada Menteri Pelajaran yang berkenaan agar mengadakan sebuah sekolah menengah di kawasan hulu, umpamanya Long Semado atau di Ba Kelalan iaitu di kawasan yang sebegitu jauh 80 batu dari bandar Lawas. Mereka atau penduduk-penduduk ini sudah menderita di dalam kehidupannya kerana tempat yang sebegitu jauh bertahun-tahun mereka hidup susah dan payah. Dengan sebab itu patut Menteri yang berkenaan memikirkan dan sedar, insaf dan utamakan tempat-tempat yang sebegitu jauh agar supaya anak-anak mereka bersekolah di tempat mereka sendiri dan makan dari padi yang diusahakan oleh ibu-bapa mereka sendiri dan supaya dapat menolong ibu-bapa mereka itu tentang tambang atau ongkos anak-anak mereka turun-naik ke Lawas bertahun-tahun kerana masalah di tempat ini.

Pertama, mereka tiada mempunyai jalan-raya di dalam sepanjang-panjang 80 batu itu. Jikalau mereka turun berjalan kaki memakan masa selama satu minggu baru sampai ke

Lawas. Ini kalau kita dihalang oleh hujan, jikalau hujan, air banjir mereka tidak dapat sampai dalam masa satu minggu ke Lawas. Jikalau mereka turun naik dengan menggunakan kapalterbang, tambang turun \$30 dan naik \$30. Dengan sebab itu, kalau ada sekolah menengah di hulu betapa bagusnya kerana satu kawasan di Bahagian Keempat di dalam Negeri Sarawak yang di hulu sekali yang sama jauhnya dengan Ba Kelalan ini ada sekolah menengah. Kenapa di Lawas atau di hulu daripada Lawas tidak dibina sebuah sekolah menengah supaya dapat menolong kanak-kanak bumiputra kita yang menderita begitu.

Inilah yang saya merayu kepada Dewan ini dan terlebih pula kepada Menteri yang berkenaan. Dan juga saya ingat apa yang diucapkan oleh Datuk Ketua Menteri dari Sarawak semalam tentang kewangan. Walaupun perintah negeri suka membuatkan apa-apa yang patut dibuat, tetapi jikalau kewangan dilambatkan daripada Kerajaan Pusat kita, mereka tidak dapat membuat apa-apa. Dengan sebab itu, saya percaya bahawa cadangan-cadangan ini akan dikaji dan diadakan sebuah sekolah di sana dengan secepat mungkin.

Di samping itu, saya merayu kepada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar agar mengadakan beberapa sekim pawah untuk memelihara atau memperkenalkan kerbau dan sapi di kawasan hulu juga, kerana mereka ini tidak mempunyai jalan-jalanraya seperti yang saya sebutkan tadi dan seperti apa yang saya katakan pada minggu dahulu di dalam Dewan ini. Dengan sebab itu patut atau sesuai supaya tempat ini diberi atau ditolong dengan memelihara binatang kerana beberapa tahun sejak tertubuhnya Malaysia, Kerajaan memberi kebun-kebun seperti kebun getah, kelapa sawit dan lada. Semuanya itu bukanlah sesuai dari satu tempat ke satu tempat, hanya semua itu dapat ditanam oleh orang-orang yang ada jalanraya, orang-orang yang berdekatan dengan bandar. Dengan sebab itu, apa yang kita patut beri kepada orang hulu? Pada pendapat saya tidak lain dan tidak bukan ialah memelihara binatang.

Saya tahu Jabatan Pertanian mengadakan Sekim pawah, tidak dibuat atau tidak diberi lagi pada tahun ini atau tahun yang akan datang. Tetapi hal itu saya sendiri tidak bersetuju. Apakah sebabnya? Apa yang patut

kita beri kemudahan dan kemajuan untuk orang ulu selain daripada memelihara binatang yang tidak disikot dengan belakang, yang tidak disikot atas bahu oleh sebab mereka itu tidak mempunyai jalanraya, tidak mempunyai kenderaan atau kereta.

Saya fikir walaupun sekim pawah ataupun memelihara kerbau dan sapi ditutup atau ditiadakan di sebelah laut, di sebelah bandar atau kawasan yang berdekatan dengan bandar, saya bersetuju. Tetapi buat di hulu, bukan Ulu Semadu, Ulu Bekalalan sahaja, ulu mana-mana yang patut, dan kita tidak patut paksa dan tidak patut suruh mereka tanam getah dan tanam tanaman yang berat yang tidak mendatangkan apa-apa hasil kepada mereka itu. Saya fikir, kalau perkara ini dibuat di ulu dan menambahkan binatang-binatang yang ada, mereka pelihara seperti biasa. Inilah satu perkara yang bagus dan penting sekali untuk mereka. Kita sendiri tahu walau budak 10 tahun pun dapat menarik satu dua ekor kerbau dari ulu dengan tiada susah. Walaupun orang tua 70 tahun, orang tibi sekali pun dapat menarik satu hingga tiga ekor dari ulu. Inilah sebab-sebabnya yang patut, yang baik, sementara mereka itu menunggu jalanraya sampai ke tempat mereka. Dan juga di sebelah laut, saya juga suka merayu serta menarik perhatian Menteri yang berkenaan untuk mengadakan sekim kelapa sawit dan padi iaitu di kawasan laut atau luar bandar yang berdekatan dengan bandar dan yang mempunyai jalanraya-jalanrayanya dan kenderaan (pengangkutan). Umpamanya di Limbang dan di Lawas agar mengadakan sekim yang besar-besar dengan secepat mungkin, sebab negara atau negeri-negeri kita pada masa ini memerlukan cukup beras atau padi lebih-lebih lagi di masa hadapan.

Pada masa ini kita sedang menghadapi masalah getah, kayu-kayan yang mana tidak ada harga lagi. Apakah harapan kita selain daripada itu? Selain daripada tanam padi, apakah kita dapat mencari wang untuk membeli beras? Dengan sebab itu tanah di Lawas, Terusan (dekat Lawas) Merapuk dan Limbang adalah kawasan yang besar, luas dan rata. Kita mengadakan sekim untuk menanam padi dan kelapa sawit.

Daerah Limbang dan lawas di hujung negeri Sarawak atau hujung negeri Malaysia yang mempunyai darat-darat, bukit-bukit dan gunung-gunung dan begitulah keadaan

penduduk-penduduk kita. Dengan sebab itu haruslah Kerajaan dan Menteri yang berkenaan berfikir, dengan dibuat sekim secara besar-besaran supaya berlebihan daripada makanan yang diperlukan supaya dapat kita keluarkan ke mana-mana di seluruh Malaysia. Lagipun Limbang dan Lawas ini berdekatan dengan sebuah negeri yang bernama Brunei, walaupun negeri itu kecil tetapi ia kaya.

Saya ingat "Lawas" ramai orang yang tidak tahu apa maknanya "Lawas" itu. Barangkali tanahkah atau tempatkah? "Lawas" ini ialah sungai. Sebenarnya, "Lawas" ialah "lawa"—elok, tetapi ditambah dengan "s". Itulah salahnya. Boleh jadi ditambah dengan "s" ini dengan memakai perkataan Inggeris "s" itu banyak lawa, banyak elok. Sungguhpun namanya elok, tetapi kemajuannya kurang. Dengan sebab itu, sesuaikanlah nama lawa ini dengan kemajuan dan projek-projek yang kena dengannya.

